

**KOLEKSI JAWAPAN
SOALAN SIDANG
DEWAN RAKYAT
DAN
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KE-13
(2016)**

ISI KANDUNGAN

BIL	TARIKH	NO SOALAN	SOALAN	YB	M/S
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA BELAS PENGGAL KEEMPAT, MESYUARAT PERTAMA					
1	21 Mac 2016 (Isnin) (LISAN)	62	minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah langkah-langkah untuk mempertingkatkan lagi tahap perpaduan di kalangan masyarakat Malaysia hari ini.	DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN NARRASHID (KOTA TINGGI)	1
2	24 Mac 2016 (Khamis) (LISAN)	23	minta PERDANA MENTERI menyatakan dakwaan ejen-ejen perpaduan seperti Jawatankuasa Rukun Tetangga, Kelab Rukun Negara dan Sekretariat Rukun Negara gagal mendampingi dan mendidik soal perpaduan dan keharmonian di kalangan rakyat jelata terutama melihat sebahagian perkembangan tidak sihat dalam media sosial baharu.	DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL (PAYA BESAR)	6
3	28 Mac 2016 (Isnin) (LISAN)	2	minta PERDANA MENTERI menyatakan kesudian Kerajaan untuk Menggubal "Prime Minister Council for Minority Rights" untuk menjadi panduan serta melindungi kepentingan golongan minoriti di Malaysia daripada diskriminasi kaum dan agama. Bilakah undang-undang baru ini akan digubalkan.	TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO (KLANG)	12
4	5 April 2016 (Selasa) (LISAN)	11	minta PERDANA MENTERI menyatakan tentang perancangan pihak kerajaan dalam usaha untuk memastikan keharmonian negara kita yang memiliki rakyat yang berbilang kaum serta budaya terjamin dan	DATUK AARON AGO ANAK DAGANG (KANOWIT)	15

BIL	TARIKH	NO SOALAN	SOALAN	YB	M/S
			terpelihara.		
DEWAN NEGARA YANG KETIGA BELAS PENGGAL KEEMPAT, MESYUARAT PERTAMA					
1	18 April 2016 (Isnin) (LISAN)	40	minta PERDANA MENTERI menyatakan tentang langkah aktiviti Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian di antara Penganut Agama dan sejauh manakah aktiviti tersebut dirasai oleh masyarakat awam.	DR. MOHD NOR BIN HAJI MONUTTY	19
2	18 April 2016 (Isnin) (LISAN)	43	minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah usaha yang telah dilakukan oleh pihak Kerajaan bagi mengeratkan hubungan antara kaum di Malaysia supaya Negara kita yang mempunyai masyarakat majmuk yang unik dan penduduk berbilang kaum ini hidup dengan harmoni dapat dikekalkan.	TAN SRI DATO' SERI DR. IBRAHIM SHAH BINABU	24
3	19 April 2016 (Selasa) (LISAN)	41	minta PERDANA MENTERI menyatakan tentang program dan inisiatif terbaru yang dijalankan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional bagi memupuk perpaduan bangsa dengan berkesan serta meningkatkan kesedaran tentang kepentingan perpaduan.	TUAN CHUA SONG CHENG	29
4	20 April 2016 (Rabu) (LISAN)	47	minta PERDANA MENTERI menyatakan perkembangan dan status penggubalan Akta Harmoni Nasional dan cadangan langkah-langkah untuk mengelakkan ketegangan atau konflik sosial berbaur perkauman dan agama.	DATUK NG CHIANG CHIN	33

BIL	TARIKH	NO SOALAN	SOALAN	YB	M/S
5	25 April 2016 (Isnin) (LISAN)	40	minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauh manakah penduduk Malaysia dapat menikmati dan mencapai ketenteraman, kesejahteraan, kemesraan, kejiwaan dan kebahagiaan dalam hidup mereka. Berapa banyakkah kajian yang telah dibuat untuk mengenalpasti pencapaian tersebut dan bilakah kajian terakhir dilakukan dan hasilnya telah disebarkan untuk pengetahuan ramai.	DATO' DR. JOHARI BIN MAT	37
6	27 April 2016 (Rabu) (LISAN)	29	Minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah jenis program dan tindakan serta statistik jumlah program yang dilaksanakan oleh JPNIN mengikut negeri dalam memastikan perpaduan kaum di Malaysia masih terjamin utuh dan kukuh. Sejauh mana program anjuran JPNIN sampai kepada masyarakat secara keseluruhannya dan apakah program yang paling memberi kesan kepada penyatuan kaum di Malaysia ini demi memastikan tiada perpecahan antara rakyat di Malaysia ini.	DATUK ZALI BIN MAT YASIN	41
7	4 Mei 2016 (Rabu) (LISAN)	20	Minta PERDANA MENTERI menyatakan semua jenis bantuan kewangan mahupun infrastruktur yang disediakan kepada Rukun Tetangga yang berdaftar serta nyatakan jumlah sebenar yang diklasifikasikan sebagai tidak aktif.	DATO' GOONASAKAR AN A/L RAMAN	45
8	BUKAN LISAN	33	Minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauh manakah program-program 1Malaysia dapat memupuk dan memelihara	DR. ARIFFIN BIN S.M. OMAR	48

BIL	TARIKH	NO SOALAN	SOALAN	YB	M/S
			keharmonian masyarakat berbilang kaum dan etnik dan berapa banyak wang yang digunakan untuk 1Malaysia sehingga 2016 dan adakah kemungkinan 1Malaysia dibatalkan memandangkan tidak lagi aktif dalam keadaan kegawatan ekonomi Malaysia.		
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA BELAS PENGGAL KEEMPAT, MESYUARAT KEDUA					
1	17 Mei 2016 (Selasa) (LISAN)	60	minta PERDANA MENTERI menyatakan; a) Langkah-langkah yang telah dan sedang diambil dalam mempromosikan perpaduan, toleransi dan konsep Bangsa Malaysia dalam kalangan rakyat Malaysia; b) Sejauh manakah penekanan konsep Rukun Negara diterima pakai oleh rakyat jelata.	DATUK LIANG TECK MENG (SIMPANG RENGAM)	52
2	17 Mei 2016 (Selasa) (LISAN)	121	minta PERDANA MENTERI menyatakan; a) Bilakah Malaysia akan menyertai konvensyen antarabangsa mengenai penghapusan segala bentuk diskriminasi kaum (ICERD) seperti yang telah diterima pakai dan dibuka untuk ditandatangani dan diratifikasi oleh Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) tahun 1965; dan b) Sekiranya Kerajaan bercadang untuk menyertai	DATUK DR MAKIN @ MARCUS MAJIGOH (PUTATAN)	56

BIL	TARIKH	NO SOALAN	SOALAN	YB	M/S
			ICERD, bilakah ianya berlaku?		
3	18 Mei 2016 (Rabu) (LISAN)	73	minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi membendung sikap perkauman di kalangan masyarakat, khususnya generasi muda di negara ini.	TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN SAMAD (SHAH ALAM)	58
4	18 Mei 2016 (Rabu) (LISAN)	149	Minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah pihak Kementerian berhasrat untuk memberi nafas baru atau menaik taraf Skim Rondaan Sukarela dan Rukun Tetangga di mana mereka akan menjadi persatuan atau pertubuhan di mana mereka akan mempunyai bajet sendiri dan ahli-ahli akan mempunyai elaun untuk perkhidmatan masing-masing.	DATO' SRI HJ ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM (BALING)	62
5	23 Mei 2016 (Isnin) (LISAN)	98	minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada kerajaan bercadang untuk memperkenalkan undang-undang yang spesifik untuk memberi definisi kepada perkauman (<i>racism</i>) dan juga untuk mengurangkan masalah perkauman yang kini semakin berleluasa.	TUAN RAMKARPAL A/L KARPAL SINGH (BUKIT GELUGOR)	66
6	23 Mei 2016 (Isnin) (LISAN)	138	minta PERDANA MENTERI menyatakan bahawa memandangkan terdapat kecenderungan ke arah perkauman di kalangan rakyat Malaysia masa kini, sejauh manakah kerajaan telah mengusahakan supaya diwujudkan Akta Jenayah Kaum dan Agama dan suatu Akta	TUAN TAN KOK WAI (CHERAS)	69

BIL	TARIKH	NO SOALAN	SOALAN	YB	M/S
			Keharmonian dan Permuafakatan Nasional untuk menyekat ucapan dan aktiviti berbau kebencian kaum/agama dan diskriminasi seperti yang dicadangkan oleh SUHAKAM.		
7	26 Mei 2016 (Khamis) (LISAN)	144	Minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah kerajaan sedar bahawa ada pihak-pihak yang mengatakan dalam usaha kerajaan membangunkan perpaduan nasional dengan tidak sengaja usaha tersebut menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan beberapa kaum di Malaysia. Apakah langkah proaktif kerajaan mengatasi perkara tersebut.	DATUK JOSEPH SALANG ANAK GANDUM (JULAU)	72
DEWAN NEGARA YANG KETIGA BELAS PENGGAL KEEMPAT, MESYUARAT KEDUA					
1	13 Jun 2016 (Isnin) (LISAN)	36	Minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menangani isu-isu perkauman serta isu-isu agama yang menjejaskan hubungan baik antara kaum di Malaysia.	DR ARIFFIN BIN S.M. OMAR	76
2	20 Jun 2016 (Isnin) (LISAN)	22	minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah pihak Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional mempunyai indeks perpaduan yang dapat dijadikan panduan untuk menilai isu perpaduan dalam negara dan bilakah kerajaan bercadang untuk memperkenalkan Rang Undang-Undang Perhubungan Kaum (<i>Race Relation Act</i>).	TAN SRI NALLA K.S	80
3	20 Jun 2016	52	minta PERDANA MENTERI menyatakan integrasi di antara	DATUK YAHAYA BIN	82

BIL	TARIKH	NO SOALAN	SOALAN	YB	M/S
	(Isnin) (LISAN)		penduduk-penduduk Malaysia Barat dan Timur masih belum memuaskan kerana beberapa perbezaan dari segi bahasa, keturunan dan budaya. Apakah tindakan Kerajaan dalam menangani permasalahan integrasi di antara penduduk di tempat yang dinyatakan.	MAT GHANI	
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA BELAS PENGGAL KEEMPAT, MESYUARAT KETIGA					
1	18 Oktober 2016 (Selasa) (LISAN)	8	minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah status terkini terhadap proses perdamaian nasional yang telah dibentangkan sejak beberapa tahun yang lalu dan apakah pencapaian yang telah dicapai atas proses perdamaian tersebut.	TUAN M.KULASEGARAN (IPOH BARAT)	86
2	21 November 2016 (Isnin) (LISAN)	13	Minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah mekanisme terbaik yang sedang/telah dirangka oleh Kerajaan dalam memupuk semangat perpaduan antara kaum, menghormati agama antara satu sama lain dan tidak mencetuskan provokasi yang mampu meruntuhkan institusi perpaduan di dalam Negara.	DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH (LENGGONG)	89
3	23 November 2016 (Rabu) (LISAN)	11	Minta PERDANA MENTERI menyatakan: a) Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam menjamin silaturahim dan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia; dan b) Sejauh manakah tahap patriotisme dalam kalangan belia dan usaha Kerajaan	DATUK LIANG TECK MENG (SIMPANG RENGGAM)	94

BIL	TARIKH	NO SOALAN	SOALAN	YB	M/S
			dalam menjayakan model bangsa Malaysia		
4	BUKAN LISAN	32	Minta PERDANA MENTERI menyatakan cadangan pihak Kementerian dan Jabatan untuk mempromosikan nilai-nilai perpaduan seperti tanggungjawab pada Negara, menghormati antara satu sama lain sama ada kaum atau agama di Negara ini dan semangat cintakan Negara.	DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN (SIK)	99
5	BUKAN LISAN	35	Minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah terdapat langkah-langkah tambahan bagi menangani isu sensitiviti kaum dan agama di dalam Negara ini selain daripada penguatkuasaan undang-undang yang telah sedia ada.	DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN (SIK)	103
DEWAN NEGARA YANG KETIGA BELAS PENGGAL KEEMPAT, MESYUARAT KETIGA					
1	5 Disember 2016 (Isnin) (LISAN)	17	Minta PERDANA MENTERI menyatakan pendirian Kerajaan mengenai cadangan menubuhkan Majlis Perundingan Negara (NCC2) sebagai satu langkah positif untuk memastikan perpaduan negara berdasarkan nilai-nilai bersama dan juga menyatakan sebab kegagalan Kerajaan untuk melaksanakan pengesyoran-pengesyoran Laporan Pelan Tindakan Perpaduan Negara dan Intergrasi Nasional (<i>National Unity Blueprint</i>).	TUAN CHANDRA MOHAN A/L S. THAMBIRAJAH	107
2	20 Disember 2016	7	Minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah status perpaduan di kalangan pelbagai	DR. ARIFFIN BIN S.M. OMAR	110

BIL	TARIKH	NO SOALAN	SOALAN	YB	M/S
	(Selasa) (LISAN)		kaum di negara ini memandangkan terdapat ketegangan antara kaum dan adakah Kerajaan akan kaji untuk menubuhkan semula Kementerian Perpaduan Negara untuk mengatasi masalah perkauman di Malaysia.		
3	21 Disember 2016 (Rabu) (LISAN)	62	Minta PERDANA MENTERI menyatakan apa sebabnya Malaysia enggan meratifikasi ICERD (<i>International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination</i>) walaupun majoriti ahli-ahli PBB telah menerima ICERD.	DR. ARIFFIN BIN S.M. OMAR	113

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD
HARUN NARRASHID (KOTA TINGGI)**

TARIKH : 21 MAC 2016 (ISNIN)

NO. SOALAN : 62

SOALAN : Minta **Perdana Menteri** menyatakan apakah langkah-langkah untuk mempertingkatkan lagi tahap perpaduan di kalangan masyarakat Malaysia hari ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan memang peka terhadap betapa pentingnya pergaulan dan perhubungan baik sesama jiran untuk memupuk persefahaman, keharmonian komuniti dan kesepaduan sosial; menggalakkan semangat bantu-membantu, khasnya semasa kecemasan serta menjanakan kerjasama bagi menjaga keselamatan dan keamanan setempat, bagi menjamin kebersihan alam sekitar dan keselesaan hidup dan bagi menggalakkan pelbagai aktiviti yang berfaedah seperti riadah, sukan mahupun pendidikan. Oleh itu, semangat kejiranan di peringkat akar umbi merupakan asas bagi menjayakan keharmonian.

Menyedari cabaran ini, langkah-langkah efektif Kerajaan ke arah mempertingkatkan perpaduan masyarakat di negara ini adalah seperti berikut:

- a) Mempergiatkan lagi persefahaman di kalangan penganut agama melalui **Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman Dan Keharmonian Di Antara Penganut Agama (JKMPKA)** yang terdiri daripada wakil pemimpin Islam dan bukan Islam seperti Hindu, Buddha, Kristian, Sikh, Tao dan Baha'i dengan mengadakan program-program seperti Perbincangan Meja Bulat (RTD) dan Dialog Keagamaan;
- b) Di peringkat komuniti, memperkasakan Rukun Tetangga melalui **Program Skwad *Unity*** yang akan menjadi perantara antara agensi-agensi kerajaan dengan masyarakat yang berperanan untuk mengukuhkan semangat perpaduan di kalangan masyarakat sejajar dengan penyatuan nasional;
- c) Memperkenalkan **Program Sayangi Komuniti** bertujuan menimbulkan perasaan sayang dan cintakan kawasan kediaman dengan penekanan kepada aspek-aspek keselamatan, kebersihan, keselesaan, pendidikan, kesejahteraan dan semangat perpaduan di kawasan penempatan komuniti berpendapatan rendah B40 (*bottom 40%*) yang berisiko tinggi dalam gejala sosial dan keselamatan sosial dalam usaha memantapkan perpaduan di peringkat akar

umbi. Program ini dilaksanakan di kawasan-kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR). Sehingga bulan Mac 2016, program ini telah dijalankan di sekitar 30 kawasan di seluruh negara.

- d) Menggalakkan penyertaan belia melalui **siri wacana, perbincangan meja bulat, seminar dan forum** bagi percambahan idea untuk meningkatkan kefahaman mengenai inti pati Rukun Negara, Kontrak Sosial dan Perlembagaan Persekutuan;
- e) Menyebarluas pendidikan perdamaian di kalangan ahli-ahli masyarakat melalui latihan sebagai **Mediator Komuniti** agar melakukan pencelahan atau intervensi antara dua pihak yang berkonflik bertujuan menyelesaikan konflik di peringkat komuniti; dan
- f) Meningkatkan penghayatan kepada prinsip-prinsip Rukun Negara melalui program **MyRukun Negara** sebagai asas perpaduan nasional diperkenalkan melalui penubuhan **Kelab Rukun Negara** di peringkat sekolah rendah dan menengah serta **Sekretariat Rukun Negara** di peringkat IPTA dan IPTS.

Antara program / aktiviti inovasi baru yang diperkenalkan sebagai *The Way Forward* ialah:

- a) Melaksanakan **Pelan Tindakan Perpaduan Negara** yang akan merentasi semua agensi Kerajaan dan badan-badan bukan

kerajaan ke arah meningkatkan perpaduan nasional dan kesepaduan rakyat Malaysia;

- b) **Melaksanakan Program latihan industri perpaduan atau *Unity Internship Programme***. Program ini pada amnya bertujuan untuk menangkis persepsi negatif bahawa syarikat-syarikat bukan bumiputera hanya mengambil pekerja yang terdiri daripada kelompok kaum tertentu sahaja. Program ini dijalankan sebagai kaedah menggalakkan silang kerjaya untuk pengukuhan perpaduan dan penggalakan silang budaya atau dengan izin, ***cross-cultural***, pemahaman antara agama, ***inter-faith*** dan penerimaan antara kaum atau ***inter-race***;
- c) Memantapkan perpaduan melalui program informasi yang disampaikan melalui tema dan mesej perpaduan iaitu, ***“Membudayakan Perpaduan, Meraikan Kepelbagaian”***; dan
- d) **Mendampingi rakan-rakan Perpaduan** atau *partners in unity* untuk mengukuhkan jaringan sosial dengan pertubuhan persatuan sukarela dan badan bukan kerajaan/NGO untuk menyebarkan mesej perpaduan.
- e) **Pembangunan Modul Silang Budaya yang merupakan suatu** mekanisme untuk membantu proses integrasi pelajar pelbagai kaum di dalam program-program Kelab Rukun Negara, Sekretariat Rukun Negara dan program-program perpaduan anjuran Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dengan memberi penekanan untuk memupuk **persefahaman, toleransi dan etika** di dalam pengurusan

perpaduan bertujuan mengurangkan dan mengelakkan salah faham serta konflik antara budaya.

- f) Memperkasakan penggerak-penggerak perpaduan **yang menjadi barisan hadapan khasnya di kawasan-kawasan panas (*hotspot*) untuk berperanan menjalinkan kesepaduan dan melahirkan keharmonian di kalangan rakyat pelbagai kaum melalui program/aktiviti berimpak tinggi.**

Secara keseluruhannya, Kerajaan telah melakukan pelbagai usaha dalam mengekalkan perpaduan masyarakat di negara ini. Sehubungan itu, kita sebagai rakyat Malaysia tanpa mengira anutan fahaman politik seharusnya bersyukur dengan keamanan yang telah kita kecapai sehingga ke hari ini di dalam negara yang berbilang etnik, agama, bahasa dan budaya. Sewajarnya, walaupun ada perbezaan ideologi politik, kita haruslah mengawal tindak-tanduk kita supaya tidak menjadi tegang serta menjaga hubungan baik sesama masyarakat bagi mengekalkan keharmonian yang telah terbina sekian lama.

Tanggungjawab mengekalkan perpaduan yang menjadi tunjang kemajuan Negara bukannya dipikul oleh kerajaan semata-mata, hakikatnya tugas tersebut terletak di bahu semua rakyat kerana mereka berkongsi masa depan dan hala tuju yang sama untuk terus maju.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' ABDUL MANAN BIN
ISMAIL (PAYA BESAR)**

TARIKH : 24 MAC 2016 (KHAMIS)

NO. SOALAN : 23

Y.B DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL meminta Perdana Menteri menyatakan dakwaan ejen-ejen perpaduan seperti Jawatankuasa Rukun Tetangga, Kelab Rukun Negara dan Sekretariat Rukun Negara gagal mendampingi dan mendidik soal perpaduan dan keharmonian di kalangan rakyat jelata terutama melihat sebahagian perkembangan tidak sihat dalam media sosial baharu.

JAWAPAN

Tuan Yang diPertua,

Dakwaan yang mengaitkan bahawa perkembangan tidak sihat dalam media sosial baharu sebagai pengukur kegagalan ejen-ejen perpaduan dalam mendampingi, mendidik perpaduan dan mewujudkan suasana harmoni di kalangan masyarakat itu adalah kurang tepat.

Malah Kerajaan berpendapat bahawa berita-berita mahu pun pendapat-pendapat yang disiarkan itu lebih bersifat pandangan peribadi, pandangan beremosi serta analisa-analisa persendirian tanpa berasaskan fakta yang tepat dan menyeluruh. Malah terdapat juga pandangan yang mempunyai agenda-agenda tertentu untuk kepentingan kelompok-kelompok tertentu.

Lazimnya juga pendapat dan pandangan seperti ini lah yang boleh menjadi daya tarikan, perhatian dan menjadi tajuk perbualan segelintir masyarakat Negara ini.

RUKUN TETANGGA:

Sesungguhnya Rukun Tetangga merupakan platform terbaik kepada kerajaan sebagai satu badan khusus penghubung antara kerajaan dengan masyarakat di akar umbi. Ini dibuktikan dengan penglibatan dan penerimaan baik masyarakat terhadap Rukun Tetangga yang menjadi ejen penting gerakan masyarakat di peringkat akar umbi dalam aspek perpaduan. Berdasarkan rekod pencapaian sehingga **Suku Tahun Pertama 2016 (Feb 2016)**, penubuhan **Kawasan Rukun Tetangga (KRT) keseluruhannya adalah berjumlah 7,457**. Dengan peningkatan yang memberangsangkan dalam penubuhan KRT ini, ia telah menggalakkan kepada pelaksanaan pelbagai aktiviti penggalakan perpaduan di peringkat komuniti.

Bagi **Parlimen Paya Besar terdapat 43 Kawasan Rukun Tetangga** telah ditubuhkan yang mana **terdapat 1057 Ahli Jawatankuasa Rukun Tetangga** yang telah dilantik . Pada tahun 2015, sebanyak **258 aktiviti perpaduan dan keharmonian** telah dijalankan dengan melibatkan 3 Dewan Undangan Negeri (DUN) (DUN Panching, DUN Sungai

Lembing, DUN Lepar) di Parlimen Paya Besar. Manakala **Skim Rondaan Sukarela (SRS)** yang ditubuhkan di Parlimen Paya Besar sebanyak **63 SRS yang terdiri daripada 1,260 orang peronda**. Dalam kawasan parlimen ini juga, terdapat **3 kawasan SRS yang terlibat dengan Program RAPAT 1M** (Rondaan bersama PDRM, ATM, anggota SRS). Semua program yang dijalankan bertujuan untuk menjaga keselamatan, kesejahteraan dan keharmonian komuniti setempat.

Aktiviti-aktiviti penggalakan perpaduan yang dilaksanakan antara lain dengan tujuan mendampingi dan mendidik masyarakat dalam soal perpaduan dan keharmonian hidup bermasyarakat. **Pencapaian aktiviti penggalakan** yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Rukun Tetangga merangkumi **10 bidang utama** seperti berikut:

- i) Sukan
- ii) Rekreasi
- iii) Sosial
- iv) Kebajikan
- v) Kebudayaan
- vi) Pendidikan
- vii) Keselamatan
- viii) Kesihatan dan Alam Sekitar
- ix) Ekonomi
- x) Agama

RUKUN NEGARA:

Bagi mewujudkan masyarakat yang harmoni dan bersatu padu, JPNIN berdasarkan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 11 Ogos 2004 dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Pendidikan Tinggi telah menubuhkan **Kelab Rukun Negara (KRN)** di **sekolah rendah dan menengah** serta seterusnya telah diperluaskan kepada **Sekretariat Rukun Negara (SRN)** di **institusi pengajian tinggi awam dan swasta**.

Matlamat utama penubuhan kelab/sekretariat ini adalah untuk melahirkan generasi muda yang sentiasa menjunjung perlembagaan dan menjadikan Rukun Negara sebagai landasan hidup yang menyatukan seluruh rakyat agar kestabilan dan keharmonian negara dapat dikekalkan. Sehingga **Disember 2015**, sebanyak **6,068 buah KRN telah ditubuhkan** iaitu 3,745 buah di sekolah rendah dan 2,323 buah di sekolah menengah manakala **148 buah SRN di peringkat IPTA dan IPTS**. Ia merupakan satu salah satu usaha untuk mengukuhkan semangat perpaduan dan integrasi nasional di kalangan pelajar yang berbilang kaum.

Pelbagai program telah dirancang dan dilaksanakan untuk menyemai rasa cinta akan negara dan memupuk perpaduan dan keharmonian di kalangan generasi muda. Pelaksanaan **modul silang budaya** merupakan satu mekanisme untuk membantu proses integrasi pelajar pelbagai kaum di dalam program-program KRN, SRN dan program-program perpaduan anjuran JPNIN.

Kerajaan melalui JPNIN akan terus berusaha untuk mempertingkatkan dan memperkasakan penghayatan dan pengamalan Rukun Negara

terutamanya di kalangan generasi muda dengan pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang terkandung dalam **Pelan Penghayatan Rukun Negara** yang akan dilaksanakan dalam tahun ini.

Dari segi **Indeks Perhubungan Masyarakat bagi tahun 2015**, skor yang dicapai selepas program dilaksanakan adalah 1.53 berbanding skor 1.62 sebelum program dilaksanakan. Ia menunjukkan program yang telah dilaksanakan dapat mempertingkatkan hubungan antara individu dan masyarakat yang terdiri dari pelbagai kaum.

Berdasarkan penemuan Kajian Tahap Pemahaman, Penghayatan dan Pengamalan Rukun Negara Di Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi yang dijalankan oleh Universiti Malaya (2005) mendapati bahawa tahap pemahaman yang tinggi terhadap kelima-lima prinsip Rukun Negara, namun penghayatan dan pengamalan terhadap Rukun Negara adalah rendah. Ini menunjukkan prinsip-prinsip Rukun Negara belum dapat dihayati dan diamalkan sepenuhnya dalam kehidupan seharian.

Namun, penemuan Kajian Pemahaman, Penghayatan dan Pengamalan Rukun Negara di kalangan Belia oleh Universiti Putra Malaysia (2012) telah menunjukkan tahap pemahaman, penghayatan dan pengamalan responden terhadap Rukun Negara semakin tinggi.

Ini membuktikan bahawa penghayatan dan pengamalan Prinsip Rukun Negara di kalangan belia semakin baik dengan penerapan melalui aktiviti yang dijalankan oleh KRN di sekolah dan SRN di IPT sebagai mekanisme pemupukan perpaduan di kalangan belia pelbagai kaum melalui penerapan nilai-nilai murni dalam Rukun Negara.

Justeru, ejen-ejen perpaduan ini sebenarnya menjadi nadi kepada kerajaan kerana mereka yang memainkan peranan sebagai mata dan telinga kerajaan di peringkat akar umbi.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO (KLANG)**
TARIKH : **28 MAC 2016 (ISNIN)**
SOALAN : **2**

Tuan Charles Anthony Santiago minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesudian Kerajaan untuk Menggubal “Prime Minister Council for Minority Rights” untuk menjadi panduan serta melindungi kepentingan golongan minoriti di Malaysia daripada diskriminasi kaum dan agama. Bilakah undang-undang baru ini akan digubalkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Buat masa ini, sesuatu perbuatan jenayah yang menyentuh isu perkauman atau diskriminasi kaum sama ada melibatkan golongan minoriti atau sebaliknya di Malaysia boleh disabitkan sebagai suatu kesalahan seperti yang termaktub di bawah beberapa undang-undang berikut:

- (a) subseksyen 4(1) Akta Hasutan 1948 [*Akta 15*] iaitu kesalahan menghasut;

- (b) seksyen 504 Kanun Keseksaan [*Akta 574*] iaitu kesalahan dengan sengaja mengaibkan dengan niat hendak membangkitkan pecah keamanan;
- (c) seksyen 505 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang mendatangkan khianat awam;
- (d) seksyen 506 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan menakutkan secara jenayah;
- (e) seksyen 4A Akta Kesalahan Pilihanraya 1954 [*Akta 5*] iaitu kesalahan mengembangkan perasaan jahat atau permusuhan; dan
- (f) seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [*Akta 588*] iaitu kesalahan penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian.

2. Justeru, Kerajaan tidak berhasrat untuk menggubal “Prime Minister Council for Minority Rights” untuk menjadi panduan serta melindungi kepentingan golongan minoriti di Malaysia daripada diskriminasi kaum dan agama di negara ini memandangkan undang-undang yang sedia ada masih mencukupi dan mampu bagi menangani isu perkauman dan sensitiviti agama yang ditimbulkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

3. Selain itu, Perlembagaan Persekutuan yang merupakan undang-undang tertinggi negara adalah lengkap dari semua aspek. Walaupun

Perlembagaan menjamin hak keistimewaan untuk golongan bumiputera termasuk orang Melayu dan peribumi Sabah dan Sarawak namun ia tetap melindungi hak kaum minoriti lain di negara ini sama ada dari sudut perkauman, agama dan hak-hak lain.

4. Walau bagaimanapun, kerajaan bersedia untuk membuat kajian yang menyeluruh untuk menilai keberkesanan dasar-dasar yang sedia ada bagi memastikan pelaksanaannya secara efektif agar kepentingan golongan minoriti terus terpelihara daripada diskriminasi kaum dan agama. Kerajaan juga sentiasa menyambut secara positif ke atas usaha-usaha yang boleh membawa kebaikan dan kesejahteraan rakyat keseluruhannya.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK AARON AGO ANAK DAGANG
[KANOWIT]**

TARIKH : 5 APRIL 2016 (SELASA)

SOALAN : 11

Y.B. DATUK AARON AGO ANAK DAGANG minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang perancangan pihak kerajaan dalam usaha untuk memastikan keharmonian negara kita yang memiliki rakyat yang berbilang kaum serta budaya terjamin dan terpelihara.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Usaha-usaha memupuk perpaduan di kalangan masyarakat majmuk di Malaysia perlu dijalankan secara berterusan. Ia melibatkan penerapan, penghayatan, pengetahuan, pengamalan nilai-nilai persefahaman, perhubungan, kerjasama, interaksi, sayangi negara yang akhirnya boleh melahirkan satu semangat perpaduan yang kukuh dan bersama-sama untuk memelihara dan mempertahankan kedaulatan negara.

Bagi mengukuhkan usaha ke arah perpaduan yang berterusan, program-program sedia ada terus diperkukuhkan dan dimantapkan. Antaranya **Program Sayangi Komuniti, Majlis Rumah Terbuka**

Malaysia, Lawatan Integrasi, Komuniti Sihat Perkasa Negara (KOSPEN), Skuad Rondaan Sukarela (SRS) dan Tabika Perpaduan.

Di samping itu, dengan mengambil kira tuntutan semasa Kerajaan juga berusaha mengadakan program-program baru bagi meningkatkan perpaduan di kalangan masyarakat seperti :

- a) **Melakukan “revisit” ke atas institusi Rukun Tetangga** yang merupakan platform akar umbi bagi memupuk penyatuan dan kesepaduan di kalangan rakyat pelbagai kaum dan tindakan ini adalah selari dengan hasrat YAB Timbalan Perdana Menteri agar JPNIN melakukan **“penjenamaan baru”** ke atas Rukun Tetangga semasa Majlis Perasmian Perhimpunan Rukun Tetangga 1Malaysia pada 26 Mac 2016 bertempat di Tasik Titiwangsa.
- b) **Melaksanakan Program Latihan Industri Perpaduan** yang bertujuan memberi pendedahan kepada mahasiswa untuk mengalami sendiri situasi silang budaya, pemahaman antara agama dan penerimaan antara kaum bagi merapatkan hubungan dan persefahaman antara kaum.
- c) Memperkasakan **Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Di Antara Penganut Agama (JKMPKA)** yang berperanan membincangkan dan meningkatkan persefahaman dan mencari jalan penyelesaian terbaik ke atas isu-isu agama yang boleh menjejaskan perpaduan masyarakat di negara ini.
- d) **Memperkasakan penggerak-penggerak perpaduan** khususnya di kawasan-kawasan panas (*hotspots*) untuk berperanan menjalinkan

kesepaduan dan melahirkan keharmonian di kalangan rakyat pelbagai kaum melalui program/aktiviti berimpak tinggi.

- e) **Pendidikan/Promosi Perpaduan melalui slogan-slogan perpaduan** yang turut melibatkan pihak swasta dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang akan mempamerkan slogan/tema perpaduan di setiap produk dan perkhidmatan mereka.
- f) **Menyebarkan pendidikan perdamaian** di kalangan ahli-ahli masyarakat untuk memainkan peranan sebagai Mediator Komuniti mencari penyelesaian kepada pihak-pihak yang berkonflik.
- g) Menerapkan penghayatan terhadap prinsip-prinsip Rukun Negara melalui program **MyRukun Negara** sebagai asas perpaduan nasional melalui penubuhan **Kelab Rukun Negara** di peringkat sekolah rendah dan menengah serta **Sekretariat Rukun Negara** di peringkat IPTA dan IPTS.

Tambahan pula, Kerajaan sedar bahawa usaha-usaha mengekalkan perpaduan hendaklah terus dilaksanakan melalui **pendekatan pendidikan dan pendampingan** dengan merancang **langkah-langkah ke hadapan “Way Forward”**. Salah satu perancangan tersebut adalah pewujudan **Pelan Tindakan Perpaduan Negara** yang telah dihasilkan oleh **Majlis Konsultasi Perpaduan Nasional (National Unity Consultative Council – NUCC)** yang bertujuan menjadi platform asas untuk membincangkan isu-isu yang boleh menjejaskan perpaduan nasional dan mencari jalan penyelesaian yang konklusif dan komprehensif.

Justeru itu, kerajaan telah melaksanakan pelbagai program dan aktiviti sebagai usaha untuk memastikan keharmonian negara kita yang memiliki rakyat yang berbilang kaum serta budaya terjamin dan terpelihara. Namun, tanggungjawab untuk memastikan keharmonian di negara kita terus terjamin dan terpelihara di kalangan rakyat yang berbilang kaum dan budaya bukan hanya terletak semata-mata di pihak kerajaan tetapi seharusnya dipikul bersama oleh semua pihak tanpa mengira ideologi politik masing-masing.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : SENATOR DR. MOHD NOR BIN HAJI
MONUTTY**

TARIKH : 18 APRIL 2016 (ISNIN)

NO. SOALAN : 40

Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monuthy minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang langkah aktiviti Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian di antara Penganut Agama dan sejauh manakah aktiviti tersebut dirasai oleh masyarakat awam.

JAWAPAN :

Yang Di Pertua,

Jawatankuasa ini telah diluluskan penubuhannya oleh Jemaah Menteri pada tahun 2010 sebagai usaha murni dan ikhlas kerajaan bagi mempromosikan keharmonian dan kesefahaman antara rakyat Malaysia yang menganuti pelbagai agama. Usaha jawatankuasa ini adalah tertumpu kepada meningkatkan kefahaman terhadap pelbagai agama, membincangkan isu-isu sensitif yang boleh mengganggu-gugat keharmonian agama dan ketenteraman masyarakat, mencadangkan dasar-dasar kerajaan yang berteraskan nilai agama, serta

melaksanakan aktiviti kemasyarakatan bersama-sama pihak kerajaan.

Sejak tahun 2010 sehingga kini, JKMPKA telah berjaya melaksanakan 94 program secara bersama dengan pihak NGO berkaitan, rumah-rumah ibadat dan lain-lain jabatan kerajaan. Penganjuran program ini adalah meliputi pelbagai kaedah pelaksanaan seperti dialog, forum, seminar, bengkel, kem serta sambutan hari kebesaran pelbagai agama.

Pada tahun 2015, jawatankuasa ini secara bersama-sama dengan pelbagai NGO, JPNIN serta lain-lain agensi kerajaan telah melaksanakan 24 program dengan melibatkan seramai 6,870 orang masyarakat pelbagai agama dan kaum di Malaysia.

Manakala pada tahun 2016, JKMPKA bersama-sama JPNIN telah menganjurkan sambutan Minggu Keharmonian antara Penganut Agama Sedunia (*World Interfaith Harmony Week – WIHW*) 2016 yang setiap tahun disambut pada minggu pertama dalam bulan Februari. Sambutan pada tahun ini bertemakan *Charity for Unity*, yang mana Jawatankuasa ini berpendapat bahawa sentuhan ataupun pemberian kepada golongan yang memerlukan dan kurang mampu akan melahirkan satu perasaan muhibah di antara penganut pelbagai agama dan pemimpin masyarakat yang turut hadir.

Mengambil kira risiko yang mungkin timbul seperti yang telah berlaku dalam negara-negara majmuk yang lain, Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak telah dengan tegas, jelas dan giatnya memacu Gagasan 1Malaysia. Berpaksikan kepada Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara, Gagasan 1Malaysia bertujuan untuk memupuk persefahaman dan perpaduan secara lebih

jitu dan rapat, dengan sikap menerima dan menghormati kepelbagaian masyarakat Malaysia yang majmuk ini.

Di samping itu, langkah-langkah yang selama ini telah dan akan terus diambil oleh kerajaan adalah seperti yang dirumuskan berikut :-

- i) **Sentiasa memegang teguh kepada Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara sebagai asas kenegaraan** yang mengambil kira dan merangkumi hak-hak asasi semua rakyat secara seimbang. Asas kenegaraan ini dijadikan sebagai rujukan untuk penggubalan dan pelaksanaan dasar-dasar dalam pelbagai bidang ekonomi, sosial, pendidikan serta untuk penyelesaian sengketa melalui perundingan dan 'musyawarah' secara jujur dengan hati yang terbuka.
- ii) **Melaksanakan semua dasar dan program untuk rakyat dan kumpulan-kumpulan sasaran secara adil dan seimbang** supaya dapat membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat untuk menggalakkan penyertaan semua kaum dalam semua bidang secara berkesan dan bermakna.
- iii) **Menggalakkan interaksi, integrasi dan persefahaman antara kaum dan penganut agama di tempat kerja, tempat belajar, tempat kediaman dan dalam pelbagai aktiviti sosial** melalui program-program konkrit seperti Rukun Tetangga dalam kawasan-kawasan perumahan, Rancangan Integrasi Murid-Murid Untuk Perpaduan (RIMUP)

antara sekolah-sekolah rendah pelbagai aliran serta pelbagai program interaksi untuk belia dan kaum wanita, program sukan yang menarik penyertaan dan sokongan semua dan sebagainya.

- iv) **Mewujudkan saluran dan mekanisme formal atau tidak formal di beberapa peringkat untuk menggalakkan wakil dari badan-badan kebudayaan dan agama untuk berhubung, bertukar fikiran dan mencapai persefahaman yang lebih mendalam dan kukuh supaya dapat menangani bersama secara berkesan isu-isu yang mungkin timbul. Di samping itu, adalah perlu juga untuk meningkatkan keupayaan berkomunikasi dan berunding serta kemahiran mediasi di kalangan pemimpin masyarakat supaya mereka sanggup mententeramkan keadaan dan menyelesaikan sengketa, sekiranya timbul.**
- v) **Meningkatkan usaha menyakinkan semua pemimpin politik dan masyarakat supaya mengelakkan kecenderungan untuk mempolitik dan mempolarisasikan isu-isu berkaitan dengan agama dan etnik, mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang mewujudkan kesensitifan agama dan menjejaskan keamanan, jikalau didapati perlu. Di sebaliknya, mereka hendaklah sentiasa mengambil sikap positif dan membina, dengan penuh rendah hati serta mengamalkan prinsip kesederhanaan dan pendekatan yang inklusif dalam sebarang usaha mengendali**

dan menguruskan isu-isu berkaitan hubungan antara agama dan etnik.

Melalui penglibatan masyarakat pelbagai kaum dan agama di dalam program-program antara agama dapat meningkatkan persefahaman, toleransi dan pemupukan keharmonian antara penganut pelbagai agama di Malaysia di samping merupakan satu landasan baru dalam menyampaikan mesej kerajaan kepada rakyat berbilang kaum ke arah pembinaan negara bangsa yang bersatu-padu.

Walaupun bagaimanapun, penghayatan terhadap mesej yang telah disampaikan semasa pelaksanaan program ini hanya boleh dihayati dengan baik dan dirasai oleh masyarakat peringkat akar umbi jika semua pihak memainkan peranan secara bersama-sama menyokong dan mendokong mesej tersebut dan mempraktikkannya dalam kehidupan seharian.

Namun demikian, isu-isu agama yang dibangkitkan tidak dapat diselesaikan secara sepenuhnya akibat wakil NGO-NGO agama mempunyai pendirian yang berbeza dan tersendiri serta berniat untuk memperjuangkan agenda masing-masing.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATO' SERI DR. IBRAHIM SHAH BIN
ABU**

TARIKH : 18 APRIL 2016 (ISNIN)

NO. SOALAN : 43

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu minta **Perdana Menteri** menyatakan apakah usaha yang telah dilakukan oleh pihak Kerajaan bagi mengeratkan hubungan antara kaum di Malaysia supaya Negara kita yang mempunyai masyarakat majmuk yang unik dan penduduk berbilang kaum ini hidup dengan harmoni dapat dikekalkan.

JAWAPAN:

Tan Sri Yang Di-Pertua,

Perpaduan yang kuat dan kukuh antara rakyat mampu menjana kejayaan dan kecemerlangan bagi kesejahteraan serta kemakmuran negara. Perpaduan adalah elemen yang sangat penting dalam mengekalkan keharmonian dalam kalangan masyarakat Malaysia. Tanpa perpaduan, nescaya kemerdekaan dan kedaulatan negara yang telah dikecapi selama ini akan hilang dalam sekelip mata.

Perpaduan dan keharmonian kaum tidak akan terus kekal jika sekadar diurus oleh pihak Kerajaan semata-mata. Ianya adalah proses berterusan dan akan berjaya jika rakyat turut terlibat di dalam proses penyuburan perpaduan dan keharmonian tersebut. Usaha membentuk perpaduan dicapai melalui penggalakkan pergaulan dan interaksi rakyat pelbagai kaum di dalam program-program yang mempromosikan keharmonian, semangat muhibah dan kesederhanaan seperti berikut:

- a) **Memperkasakan Kawasan Rukun Tetangga** di seluruh negara melalui latihan kepimpinan baru kepada Ahli-ahli Jawatankuasa Utama Rukun Tetangga yang akan memberi penekanan kepada aspek menyuburkan perpaduan di dalam aktiviti anjuran Rukun Tetangga yang berimpak tinggi.
- b) **Menggalakkan penganjuran program-program ke arah jalinan integrasi nasional** untuk merapatkan hubungan di antara penduduk-penduduk di Sabah, Sarawak dan Labuan dengan negeri-negeri di Semenanjung dan sebaliknya seperti program lawatan integrasi nasional, program *homestay* integrasi, program titian padu emas, titian integrasi IPT dan kursus orientasi pegawai-pegawai persekutuan dari Semenanjung bertugas di Sabah, Sarawak dan Labuan dan sebaliknya yang bertujuan untuk meningkatkan kefahaman budaya dan cara hidup masyarakat setempat.
- c) **Meluaskan program-program pendidikan perpaduan** bertujuan mendidik rakyat menghayati pengertian perpaduan serta menyemai prinsip-prinsip Rukun Negara, nilai-nilai murni dan

aspirasi Gagasan 1Malaysia melalui Sambutan Bulan Perpaduan, Pertandingan Koir Lagu-lagu Patriotik, Debat Perpaduan IPT, Perluasan Kelab-Kelab Rukun Negara di sekolah rendah dan menengah dan Sekretariat Rukun Negara di kolej dan institusi pengajian tinggi.

- d) **Melatih pemimpin-pemimpin masyarakat dengan kemahiran Mediasi Komuniti** di peringkat akar umbi supaya apa-apa pertelingkahan dan pergeseran yang berlaku mampu diselesaikan secara baik dan sekali gus menggalakkan interaksi di kalangan komuniti.
- e) **Menjalinkan perkongsian strategik bersama Institusi-institusi pengajian tinggi** khasnya Institut Kajian Etnik (KITA) di UKM dan institusi pemikir (*think-tank institution*) untuk berkongsi hasil kajian, wacana, perbincangan, pandangan mengenai hubungan etnik dan perpaduan nasional.
- f) **Menggalakkan keharmonian agama dan persefahaman di kalangan penganut-penganut agama** melalui pendekatan dialog di bawah naungan Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman Dan Keharmonian Di Antara Penganut Agama (JKMPKA). Jawatankuasa ini berdialog supaya memupuk persefahaman dan mencari penyelesaian atau pendamaian antara penganut pelbagai agama.

- g) **Memperincikan Pelan Tindakan Perpaduan Negara yang disediakan Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MPKN)** untuk mengesyorkan kepada Kerajaan langkah-langkah untuk meningkatkan perpaduan dan keharmonian rakyat.
- h) **Menganjurkan lebih banyak sesi perbincangan, bengkel dan perdebatan** melibatkan golongan muda melalui pendekatan berorientasikan idea bagi mengupas isu berbangkit dalam hubungan antara kaum seperti kontrak sosial, perkara 151 hingga 153 Perlembagaan Persekutuan dan lain-lain.
- i) **Memperluaskan penubuhan Skwad UNITI** yang memberikan perkhidmatan-perkhidmatan meningkatkan usaha perpaduan dan keharmonian seperti perkhidmatan keselamatan kejiranan melalui Skim Rondaan Sukarela (SRS) untuk mewujudkan perasaan selamat di kalangan komuniti; perkhidmatan pendidikan perpaduan melalui perluasan Kelas Tabika Perpaduan; Kelab-Kelab Rukun Negara dan Sekretariat Rukun Negara.
- j) **Menggalakkan penglibatan mahasiswa IPTA/IPTS di dalam program MyInternship** di mana pelajar bumiputera berpeluang menjalani latihan industri di syarikat-syarikat bukan bumiputera. Program ini menyediakan peluang perkongsian ilmu pengetahuan, pendedahan kepada budaya kerja dan suasana yang berbeza, jalinan hubungan dan sekali gus menepis persepsi negatif bahawa syarikat bukan bumiputera cenderung mengambil para pelatih atau pekerja di kalangan kaum mereka sendiri.

Walaupun kerajaan amat bersungguh-sungguh memastikan rakyat hidup di dalam suasana aman dan harmoni, masih terdapat anasir-anasir jahat yang cuba mengubah nikmat keamanan dan ketenteraman yang dikecapi selama ini. Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang sengaja menjejaskan sensitiviti kaum dan memecahkan keamanan melalui undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

Adalah dipercayai bahawa melalui langkah-langkah, kepekaan dan kerjasama semua rakyat jelata, keharmonian dan perpaduan akan dapat terus dipupuk, keamanan dan kebahagiaan dikekalkan untuk manfaat semua rakyat dan generasi yang akan datang, selaras dengan hasrat Wawasan 2020 dan Gagasan 1 Malaysia.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHUA SONG CHENG

TARIKH : 19 APRIL 2016 (SELASA)

SOALAN NO : 41

Y.B. TUAN CHUA SONG CHENG minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang program dan inisiatif terbaru yang dijalankan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional bagi memupuk perpaduan bangsa dengan berkesan serta meningkatkan kesedaran tentang kepentingan perpaduan

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Usaha-usaha memupuk perpaduan di kalangan masyarakat majmuk di Malaysia perlu dijalankan secara berterusan. Ia melibatkan penerapan, penghayatan, pengetahuan, pengamalan nilai-nilai persefahaman, perhubungan, kerjasama, interaksi, sayangi negara yang akhirnya boleh melahirkan satu semangat perpaduan yang kukuh dan bersama-sama untuk memelihara dan mempertahankan kedaulatan negara.

Bagi mengukuhkan usaha ke arah perpaduan yang berterusan, program-program sedia ada terus diperkukuhkan dan dimantapkan

Antaranya **Program Sayangi Komuniti, Majlis Rumah Terbuka Malaysia, Lawatan Integrasi, Komuniti Sihat Perkasa Negara (KOSPEN), Skwad Rondaan Sukarela (SRS) dan Tabika Perpaduan.**

Di samping itu, dengan mengambil kira tuntutan semasa, Kerajaan juga berusaha mengadakan program dan inisiatif baru bagi memupuk perpaduan bangsa dan meningkatkan perpaduan di kalangan masyarakat seperti berikut:

- a) **Melakukan “revisit” ke atas institusi Rukun Tetangga** yang merupakan platform akar umbi bagi memupuk penyatuan dan kesepaduan di kalangan rakyat pelbagai kaum dan tindakan ini adalah selari dengan hasrat YAB Timbalan Perdana Menteri agar JPNIN melakukan **“penjenamaan baru”** ke atas Rukun Tetangga semasa Majlis Perasmian Perhimpunan Rukun Tetangga 1Malaysia pada 26 Mac 2016 bertempat di Tasik Titiwangsa.
- b) **Melaksanakan Program Latihan Industri Perpaduan** yang bertujuan memberi pendedahan kepada mahasiswa untuk mengalami sendiri situasi silang budaya, pemahaman antara agama dan penerimaan antara kaum bagi merapatkan hubungan dan persefahaman antara kaum.
- c) **Memperkasakan Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Di Antara Penganut Agama (JKMPKA)** yang berperanan membincangkan dan meningkatkan persefahaman dan mencari jalan penyelesaian terbaik ke atas isu-isu agama yang boleh menjejaskan perpaduan masyarakat di negara ini.

- d) **Memperkasakan penggerak-penggerak perpaduan** khususnya di kawasan-kawasan panas (*hotspots*) untuk berperanan menjalinkan kesepaduan dan melahirkan keharmonian di kalangan rakyat pelbagai kaum melalui program/aktiviti berimpak tinggi.
- e) **Pendidikan/Promosi Perpaduan melalui slogan-slogan perpaduan** yang turut melibatkan pihak swasta dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang akan mempamerkan slogan/tema perpaduan di setiap produk dan perkhidmatan mereka.
- f) **Menyebarkan pendidikan perdamaian** di kalangan ahli-ahli masyarakat untuk memainkan peranan sebagai Mediator Komuniti bagi mencari penyelesaian kepada pihak-pihak yang berkonflik.
- g) Menerapkan penghayatan terhadap prinsip-prinsip Rukun Negara melalui program **MyRukun Negara** sebagai asas perpaduan nasional melalui penubuhan **Kelab Rukun Negara** di peringkat sekolah rendah dan menengah serta **Sekretariat Rukun Negara** di peringkat IPTA dan IPTS.

Kerajaan juga amat sedar bahawa usaha-usaha mengekalkan perpaduan hendaklah terus dilaksanakan melalui **pendekatan pendidikan dan pendampingan** dengan merancang **langkah-langkah ke hadapan “Way Forward”**. Salah satu perancangan tersebut adalah pewujudan **Pelan Tindakan Perpaduan Negara** yang telah dihasilkan oleh **Majlis Konsultasi Perpaduan Nasional (National Unity Consultative Council – NUCC)** yang bertujuan menjadi platform asas untuk membincangkan isu-isu yang boleh menjejaskan perpaduan

nasional dan mencari jalan penyelesaian yang konklusif dan komprehensif.

Justeru itu, kerajaan telah melaksanakan pelbagai program dan aktiviti sebagai usaha untuk memastikan keharmonian negara kita yang memiliki rakyat yang berbilang kaum serta budaya terjamin dan terpelihara. Namun, tanggungjawab untuk memastikan keharmonian di negara kita terus terjamin dan terpelihara di kalangan rakyat yang berbilang kaum dan budaya bukan hanya terletak semata-mata di pihak kerajaan tetapi seharusnya dipikul bersama oleh semua pihak tanpa mengira ideologi politik masing-masing.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK NG CHIANG CHIN

TARIKH : 20 APRIL 2016 (RABU)

SOALAN NO : 47

Y.B. DATUK NG CHIANG CHIN minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan dan status penggubalan Akta Harmoni Nasional dan cadangan langkah-langkah untuk mengelakkan ketegangan atau konflik sosial berbaur perkauman dan agama.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan amat menyedari bahawa penggubalan sesuatu akta memerlukan penelitian dan tidak boleh dihasilkan dalam tempoh yang singkat, supaya hasilnya nanti akan memberikan impak yang boleh diterima oleh semua pihak.

Sehingga peringkat ini, Kerajaan masih lagi dalam menganalisis dan meneliti secara terperinci input dan cadangan-cadangan yang diperolehi melalui pendampingan awam (*public engagement*) dengan pihak-pihak yang berkepentingan dan pemegang taruh (*stakeholders*) seperti ahli akademik, jabatan dan agensi kerajaan, badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan pemimpin masyarakat di peringkat komuniti.

Memandangkan akta ini memerlukan penelitian yang lebih terperinci dan mendalam sebelum dimuktamadkan, usaha-usaha untuk mendapatkan input dari masyarakat sivil (*Civil Society*) masih diteruskan supaya hasil yang diperolehi itu kelak lebih menyeluruh dan inklusif.

Di samping itu, Kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) sentiasa mengambil pendekatan baru dengan berusaha mengambil langkah-langkah bagi mengelakkan ketegangan atau konflik sosial berbaur perkauman dan agama. Antara langkah-langkah tersebut adalah:

- a) **Melakukan “revisit” ke atas institusi Rukun Tetangga** yang merupakan platform akar umbi bagi memupuk penyatuan dan kesepaduan di kalangan rakyat pelbagai kaum dan tindakan ini adalah selari dengan hasrat YAB Timbalan Perdana Menteri agar JPNIN melakukan **“penjenamaan baru”** ke atas Rukun Tetangga semasa Majlis Perasmian Perhimpunan Rukun Tetangga 1Malaysia pada 26 Mac 2016 bertempat di Tasik Titiwangsa.
- b) **Melaksanakan Program Latihan Industri Perpaduan** yang bertujuan memberi pendedahan kepada mahasiswa untuk mengalami sendiri situasi silang budaya, pemahaman antara agama dan penerimaan antara kaum bagi merapatkan hubungan dan persefahaman antara kaum.
- c) **Memperkasakan Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Di Antara Penganut Agama (JKMPKA)** yang berperanan membincangkan dan meningkatkan persefahaman dan

mencari jalan penyelesaian terbaik ke atas isu-isu agama yang boleh menjejaskan perpaduan masyarakat di negara ini.

- d) **Memperkasakan penggerak-penggerak perpaduan** khususnya di kawasan-kawasan panas (*hotspots*) untuk berperanan menjalinkan kesepaduan dan melahirkan keharmonian di kalangan rakyat pelbagai kaum melalui program/aktiviti berimpak tinggi.
- e) **Pendidikan/Promosi Perpaduan melalui slogan-slogan perpaduan** yang turut melibatkan pihak swasta dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang akan mempamerkan slogan/tema perpaduan di setiap produk dan perkhidmatan mereka.
- f) **Menyebarkan pendidikan perdamaian** di kalangan ahli-ahli masyarakat untuk memainkan peranan sebagai Mediator Komuniti/ Mediator Agama bagi mencari penyelesaian terbaik kepada pihak-pihak yang berkonflik.
- g) **Menerapkan penghayatan terhadap prinsip-prinsip Rukun Negara** melalui program MyRukun Negara sebagai asas perpaduan nasional melalui penubuhan Kelab Rukun Negara di peringkat sekolah rendah dan menengah serta **Sekretariat Rukun Negara** di peringkat IPTA dan IPTS.

Justeru itu, kerajaan sentiasa melaksanakan pelbagai program dan aktiviti sebagai usaha untuk memastikan keharmonian negara kita yang memiliki rakyat yang berbilang kaum serta budaya terjamin dan terpelihara. Namun, tanggungjawab untuk memastikan keharmonian di negara kita terus terjamin dan terpelihara di kalangan rakyat yang berbilang kaum dan budaya bukan hanya terletak semata-mata di pihak

kerajaan tetapi seharusnya dipikul bersama oleh semua pihak tanpa mengira ideologi politik masing-masing. Oleh itu, setiap rakyat seharusnya memahami dan menghayati Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara sebagai teras dan menjadi amalan seharian agar isu-isu yang dibangkitkan dapat ditangani dengan lebih berkesan. Sesungguhnya, penyatuan sesebuah Negara bangsa hanya boleh dicapai melalui konsentrasi dan kerjasama, bukan melalui jalan konfrontasi dan konflik.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' DR. JOHARI BIN MAT

TARIKH : 25 APRIL 2016 (ISNIN)

NO. SOALAN : 40

SOALAN : Minta **Perdana Menteri** menyatakan sejauh manakah penduduk Malaysia dapat menikmati dan mencapai ketenteraman, kesejahteraan, kemesraan, kejiranan dan kebahagiaan dalam hidup mereka. Berapa banyakkah kajian yang telah dibuat untuk mengenalpasti pencapaian tersebut dan bilakah kajian terakhir dilakukan dan hasilnya telah disebarikan untuk pengetahuan ramai.

JAWAPAN:

Datuk Seri Yang Di Pertua,

Kerajaan sentiasa mengadakan perancangan secara berterusan bagi memastikan penduduk Malaysia dapat menikmati dan mencapai ketenteraman, kesejahteraan, kemesraan, kejiranan dan kebahagiaan dalam hidup mereka. Di bawah Program Transformasi Kerajaan, tiga (3) indeks iaitu *Global Peace Index* (GPI), Indeks Ketegangan Masyarakat (IKM) dan Indeks Perhubungan Masyarakat (IPM)

digunakan bagi mengetahui tahap kedudukan keharmonian dan perhubungan kaum di Malaysia.

Global Peace Index (GPI) yang dikeluarkan oleh *Institute for Economics and Peace*, Australia meletakkan Malaysia di tangga ke 28 daripada 162 negara yang teraman di dunia pada tahun 2015 berdasarkan 21 penunjuk. Kedudukan ini membuktikan bahawa Malaysia merupakan sebuah negara yang aman di mata dunia.

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) pula telah membina 2 indeks dalam usaha mengesan, memantau dan seterusnya menguruskan isu-isu yang dibangkitkan mengikut kaedah dan langkah yang sesuai. Antara indeks tersebut ialah:

1. Indeks Ketegangan Masyarakat (IKM) telah diwujudkan sejak tahun 2007. Mulai tahun 2008, JPNIN telah mengeluarkan laporan IKM secara berkala sebagai usaha mengawasi dan mengetahui tahap iklim perhubungan dalam masyarakat. Dengan adanya pengetahuan dan maklumat mengenai tahap kewujudan ketegangan dalam masyarakat, usaha ke arah menguruskannya dapat dilaksanakan dengan segera untuk mengawal serta meleraikannya ke tahap yang selesa.

IKM bagi tahun 2013 adalah sebanyak 18.9 kes/sejuta penduduk, bagi tahun 2014 adalah sebanyak 14.1 kes/sejuta penduduk dan pada tahun 2015 adalah sebanyak 9.6 kes/sejuta penduduk. Ini menunjukkan secara keseluruhannya iklim perhubungan dalam masyarakat semakin baik walaupun terdapat beberapa insiden

negatif seperti insiden Plaza Low Yat dan Kompleks Kota Raya yang memberi gambaran kewujudan ketegangan antara kaum dalam masyarakat tetapi ia hanya melibatkan kelompok-kelompok tertentu yang bereaksi mengikut emosi masing-masing ketika kejadian tersebut. Walau bagaimanapun, insiden seperti ini adalah kes-kes yang terpencil ataupun *isolated cases*.

2. Indeks Perhubungan Masyarakat (IPM) yang telah dibangunkan pada 2012 pula melihat pola perhubungan antara kaum dari dimensi individu dan dimensi masyarakat di mana setiap dimensi meliputi 10 aspek. IPM berdasarkan dimensi individu bagi tahun 2013 adalah sebanyak 1.43 skor, bagi tahun 2014 ialah sebanyak 1.43 skor dan pada tahun 2015 adalah sebanyak 1.47 skor purata masing-masing berdasarkan skala 1 hingga 4.

Manakala berdasarkan dimensi masyarakat pula menunjukkan bagi tahun 2013 adalah sebanyak 1.49 skor, bagi tahun 2014 sebanyak 1.50 skor dan pada tahun 2015 ialah sebanyak 1.53 skor purata masing-masing berdasarkan skala 1 hingga 4 di mana skala 1 menunjukkan pola perhubungan kaum adalah kukuh manakala skala 4 pula menunjukkan pola perhubungan kaum yang agak lemah.. Pencapaian skor yang lebih rendah menggambarkan wujud perhubungan yang lebih kukuh dan erat di kalangan masyarakat pelbagai kaum.

Di samping pengukuran melalui indeks di atas, JPNIN juga telah melaksanakan kajian-kajian melalui institusi-institusi akademik seperti KITA-UKM, UPM, USM, UUM, UniMAS, UMS dan sebagainya untuk melihat sejauh mana penduduk Malaysia dapat menikmati dan

mencapai ketenteraman, kesejahteraan, kemesraan, kejiranan dan kebahagiaan dalam hidup mereka.

Sehingga tahun 2015 sebanyak 64 kajian telah dijalankan dan 7 kajian sedang dijalankan untuk tahun 2016. Kajian-kajian yang telah dilaksanakan menjurus ke arah aspek-aspek dan kepentingan perpaduan di negara ini. Hasil daripada kajian diharapkan dapat membangunkan satu model penilaian yang komprehensif, boleh dipercayai, objektif dan praktikal untuk menilai tahap keharmonian antara agama di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ZALI BIN MAT YASIN

TARIKH : 27 APRIL 2016 (RABU)

NO. SOALAN : 29

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan **apakah jenis program dan tindakan** serta **statistik jumlah program** yang dilaksanakan oleh JPNIN mengikut negeri dalam memastikan perpaduan kaum di Malaysia masih terjamin utuh dan kukuh. **Sejauh mana program anjuran JPNIN sampai kepada masyarakat secara keseluruhannya** dan **apakah program yang paling memberi kesan kepada penyatuan kaum di Malaysia** ini demi memastikan tiada perpecahan antara rakyat di Malaysia ini.

JAWAPAN:

Tan Sri Yang Di Pertua,

Matlamat utama Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) adalah untuk sentiasa mengekalkan dan memastikan perpaduan kaum di Malaysia sentiasa utuh dan kukuh. Sehubungan itu pelbagai tindakan yang dirangka ke arah itu termasuklah pelaksanaan pelbagai program penggalakan dan pengukuhan perpaduan di semua

peringkat sama ada di Ibu Pejabat, Negeri mahupun Daerah. Berikut adalah jenis program / aktiviti yang dilaksanakan di JPNIN:

1. **Penggalakan:** aktiviti yang berbentuk promosi perpaduan dan hubungan kejiwaan bagi tujuan mengeratkan lagi keharmonian yang sedia ada dan mengukuhkan perpaduan sejagat.
2. **Pencegahan:** aktiviti yang dilaksanakan adalah bagi tujuan menghalang berlakunya sesuatu konflik yang boleh mengganggu gugat keharmonian dan perpaduan.
3. **Pencelahan:** aktiviti yang dilaksanakan adalah tindakan segera yang bertujuan untuk meredakan ketegangan yang tercetus dan menghalang konflik yang wujud daripada merebak.
4. **Pemulihan:** aktiviti yang dilaksanakan adalah bertujuan untuk memulihkan hubungan kejiwaan dan kemesraan yang terjejas disebabkan konflik yang berlaku serta untuk mengembalikan suasana kemesraan sedia ada bagi mengekalkan perpaduan.
5. **Berdasarkan isu semasa:** aktiviti yang dilaksanakan adalah berdasarkan keperluan di peringkat komuniti dan keperluan semasa yang bersesuaian bagi tujuan menyemarakkan keharmonian dan mengukuhkan lagi perpaduan masyarakat.

Usaha-usaha ini adalah selaras dengan cadangan YAB Perdana Menteri untuk mengadakan Pelan Penyatuan Nasional yang dikemukakan dalam ucapan beliau selepas berakhirnya Pilihanraya

Umum Kali ke 13. Pelan ini perlu direalisasikan dan merupakan langkah strategik yang komprehensif ke arah menyatupadukan masyarakat pelbagai kaum di Negara ini.

Sebagai *way forward* juga, Kerajaan telah menubuhkan Majlis Konsultasi Perpaduan Nasional (*NUCC*) yang telah menjadi platform untuk membincangkan isu-isu yang menjejaskan perpaduan nasional dan mencari jalan penyelesaian yang konklusif dan komprehensif. Hasil perbincangan dalam *NUCC* telah membawa *JPNIN* ke arah menyediakan Pelan Tindakan Perpaduan Negara yang kini dalam proses untuk pembentangan di *Cabinet Away Day* dalam masa terdekat.

Di samping itu, Kerajaan juga telah menubuhkan Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Di Antara Penganut Agama (*JKMPKA*). Usaha jawatankuasa ini adalah tertumpu kepada meningkatkan kefahaman terhadap pelbagai agama, membincangkan isu-isu sensitif yang boleh mengganggu-gugat keharmonian agama dan ketenteraman masyarakat, mencadangkan dasar-dasar kerajaan yang berteraskan nilai agama, serta melaksanakan aktiviti kemasyarakatan bersama-sama pihak kerajaan agar sebarang sensitiviti agama dapat dibendung di peringkat awal lagi sebelum ia membawa kepada konflik yang lebih besar.

Program *JPNIN* kebanyakannya dilaksanakan di peringkat akar umbi dan mengambilkira masyarakat keseluruhannya sebagai golongan sasaran dalam objektif pelaksanaannya. Semua program yang dianjurkan adalah bermatlamatkan untuk mengeratkan penyatuan kaum di Malaysia

sekaligus mengukuhkan perpaduan dan keharmonian masyarakat. Jenis aktiviti / program tersebut dilaksanakan mengikut pecahan 10 bidang utama yang bersesuaian mengikut Negeri adalah seperti di Lampiran 1.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' GOONASAKARAN A/L RAMAN

TARIKH : 4 MEI 2016 (RABU)

NO. SOALAN : 20

SOALAN

Minta **Perdana Menteri** menyatakan semua jenis bantuan kewangan mahupun infrastruktur yang disediakan kepada Rukun Tetangga yang berdaftar serta nyatakan jumlah sebenar yang diklasifikasikan sebagai tidak aktif.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Penetapan sesuatu Kawasan Rukun Tetangga (KRT) adalah termaktub dalam Seksyen 5 Akta Rukun Tetangga 2012. Penubuhan dan pemantauannya adalah di bawah seliaan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN).

Bantuan kewangan kepada KRT disalurkan bertujuan melaksanakan fungsi dan tugas-tugas yang diamanahkan di bawah Akta Rukun Tetangga 2012 sebagaimana yang termaktub di bawah Seksyen 11 yang menjelaskan berhubung peruntukan atau bantuan kewangan kepada Jawatankuasa KRT. Bantuan kewangan yang diberikan kepada setiap KRT adalah dalam bentuk Geran Pengurusan iaitu RM6,000.00 setahun. Jabatan juga menyediakan geran tambahan untuk program dan aktiviti dari masa ke semasa tertakluk kepada permohonan yang diterima dari KRT. Selain daripada itu, Kerajaan juga menyediakan peruntukan dalam bentuk pembiayaan premium insuran kepada setiap ahli Rukun Tetangga dan SRS.

Selain daripada bantuan kewangan, kerajaan juga menyalurkan bantuan infrastruktur seperti Pusat Rukun Tetangga dalam bentuk Kabin dan Bangunan RT dan juga pondok rondaan kepada mana-mana KRT yang mempunyai SRS. Kemudahan infrastruktur yang diberikan ini adalah berdasarkan penilaian keaktifan KRT tersebut. Sehingga tahun 2015, sebanyak 2,289 Pusat Rukun Tetangga sama ada dalam bentuk bangunan binaan jabatan, kabin, balai raya/dewan orang ramai dan lain-lain telah diwujudkan dan dibekalkan kepada KRT untuk kemudahan dalam melaksanakan pengurusan program dan aktiviti bagi manfaat komuniti setempat.

Sehingga 31 Mac 2016, terdapat sejumlah 7,535 KRT. Manakala peratus keaktifan KRT berdasarkan penilaian keaktifan melalui Sistem e-Rukun Tetangga adalah sebanyak 7,204 (96%) kawasan dan jumlah KRT yang tidak aktif di seluruh negara sebanyak 331 (4%) kawasan.

Walaupun peratus ketidakaktifan KRT adalah sangat kecil namun JPNIN secara berterusan berusaha untuk mengaktifkan semua KRT yang ditubuhkan dalam usaha menyemarakkan semangat perpaduan di kalangan komuniti dan seterusnya memupuk persefahaman merentasi pelbagai kumpulan etnik ke arah pencapaian perpaduan nasional. Bilangan KRT berdasarkan keaktifan dan bilangan Pusat Rukun Tetangga mengikut negeri adalah seperti di Lampiran 1.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : Y.B DR. ARIFFIN BIN S.M. OMAR

NO. SOALAN : 33

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan **sejauh manakah program-program 1Malaysia dapat memupuk dan memelihara keharmonian masyarakat berbilang kaum dan etnik dan berapa banyak wang yang digunakan untuk 1Malaysia sehingga 2016 dan adakah kemungkinan 1Malaysia dibatalkan** memandangkan tidak lagi aktif dalam keadaan kegawatan ekonomi Malaysia.

JAWAPAN

Senator Datuk Seri,

Gagasan 1Malaysia telah diperkenalkan pada tahun 2009 dengan *tagline* “Rakyat Didahulukan dan Pencapaian Diutamakan”. Hasrat *tagline* ini adalah suara rakyat didengari, kebajikan rakyat dititikberatkan, rakyat diberi layanan mesra dan dihargai serta perkhidmatan yang diberikan oleh kerajaan dan semua pihak kepada rakyat perlu berada pada tahap kualiti yang optimum dan terbaik agar memuaskan hati mereka.

Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah dan inisiatif dalam usaha untuk memenuhi hasrat ini. Umpamanya, Pelan Transformasi Kerajaan telah diperkenalkan yang menyasarkan peningkatan keberkesanan dan kecekapan pengurusan sektor awam melalui enam (6) Bidang Keberhasilan Utama Nasional atau *National Key Results Area* (NKRA) iaitu memerangi jenayah dan rasuah serta meningkatkan taraf pendidikan, infrastruktur asas luar bandar, pengangkutan awam bandar dan isi rumah berpendapatan rendah. Manakala, inisiatif yang diperkenalkan melalui Model Baru Ekonomi dan Program Transformasi Ekonomi turut berjaya memanfaatkan keseluruhan rakyat.

Kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional (JPNIN) sentiasa berusaha secara berterusan bagi menterjemahkan dua asas utama Gagasan 1Malaysia iaitu untuk meningkatkan perpaduan dan membina negara maju. Secara umumnya, semua bentuk program / aktiviti yang dilaksanakan oleh Kerajaan adalah berfokuskan kepada asas utama ini. Penubuhan jentera perpaduan di peringkat akar umbi seperti Kawasan Rukun Tetangga (KRT), Kelab Rukun Negara (KRN), Sekretariat Rukun Negara (SRN) dan Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian antara Penganut Agama (JKMPKA) merupakan langkah strategik JPNIN ke arah pemupukan perpaduan melalui penjalinan hubungan merentasi etnik di kalangan masyarakat sama ada di peringkat komuniti setempat, pelajar sekolah dan belia serta pemimpin-pemimpin agama.

Di samping itu, pelbagai bentuk program perpaduan telah dilaksanakan bersama dengan pihak swasta, badan korporat serta badan bukan kerajaan (NGO). Untuk menilai keberkesanan program dan aktiviti ini bukanlah sesuatu yang mudah kerana hasilnya tidak boleh diukur dalam

masa sehari dua, akan tetapi perlu dipantau secara berterusan dan impaknya hanya dapat dilihat melalui kehidupan seharian masyarakat Malaysia yang sentiasa dalam keadaan selamat, tenteram malah dapat bergerak bebas ke mana sahaja tanpa rasa takut.

JPNIN juga telah mengambil inisiatif untuk membangunkan petunjuk prestasi atau KPI untuk mengukur tahap keharmonian masyarakat yang mempunyai kepelbagaian latar belakang. Berdasarkan pencapaian Indeks Ketegangan Masyarakat (IKM), peningkatan yang lebih baik dapat dilihat dalam tahap iklim perhubungan masyarakat pada setiap tahun iaitu pada tahun 2012 (19.9 kes/sejuta), 2013 (18.9 kes/sejuta), 2014 (14.1 kes/sejuta) dan 2015 (9.06 kes/sejuta). Pengurangan dalam bilangan kes ini menunjukkan pencapaian positif negara dan ini merupakan satu indikator bahawa tahap perpaduan dan keharmonian negara sentiasa meningkat dan elemen perpaduan melalui Gagasan 1Malaysia ternyata telah berjaya diserapkan di dalam sanubari rakyat Malaysia.

Dalam usaha kerajaan untuk memastikan masyarakat hidup dalam keadaan aman, sejahtera dan selamat sememangnya memerlukan peruntukan yang besar oleh keseluruhan agensi kerajaan sebagai pelaksana program dan aktiviti bagi pihak Kerajaan Malaysia. Namun, bukanlah jumlah peruntukan yang digunakan menjadi ukurannya tetapi tahap perpaduan rakyat yang dicapai akhirnya merupakan kayu pengukur yang sebenarnya memandangkan agensi pelaksana hendaklah memastikan hasil kerja memberikan manfaat kepada rakyat di mana mengutamakan *outcome* berbanding *output*,. Tetapi, kerajaan sentiasa memantau setiap peruntukan yang diberikan agar impak yang

dihasilkan membantu ke arah pncapaian matlamat negara iaitu perpaduan nasional.

Dengan yang demikian juga, tiada hasrat untuk membatalkan 1Malaysia yang dibawa hingga ke hari ini seperti yang dipersoalkan oleh Yang Berhormat. Malah kehidupan rakyat hari ini telah sinonim dengan aspirasi Gagasan 1Malaysia kerana gagasan ini telah berjaya menjadi penyambung dasar negara ke arah memperkukuhkan perpaduan nasional dengan menyatapadukan seluruh rakyat tanpa ada perbezaan kaum, bangsa dan agama.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK LIANG TECK MENG
(SIMPANG RENGAM)

NO. SOALAN : 60

TARIKH : 17 MEI 2016 (SELASA)

Y.B. DATUK LIANG TECK MENG meminta Perdana Menteri menyatakan;

- c) Langkah-langkah yang telah dan sedang diambil dalam mempromosikan perpaduan, toleransi dan konsep Bangsa Malaysia dalam kalangan rakyat Malaysia;
- d) Sejauh manakah penekanan konsep Rukun Negara diterima pakai oleh rakyat jelata.

JAWAPAN

Tuan Yang diPertua,

- a) Kerajaan memang menyedari bahawa mempromosikan perpaduan, toleransi dan konsep bangsa Malaysia itu penting dilakukan di kalangan rakyat Malaysia. Di antara usaha-usaha yang telah dilakukan adalah seperti berikut:

- i. **Melalui kempen “Membudayakan Perpaduan Meraikan Kepelbagaian”** yang melibatkan sektor awam, sektor swasta dan sektor komuniti. Pendekatan yang digunakan adalah meletakkan label, tema-tema yang mempunyai nilai-nilai perpaduan di produk keluaran masing-masing dan mempamerkan cogankata yang mempunyai elemen perpaduan di tempat-tempat strategik dan menjadi tempat tumpuan orang ramai.
- ii. **Melalui penganjuran pelbagai program dan aktiviti oleh pelbagai agensi seperti program Komuniti Ekonomi Rukun Tetangga Integrasi Nasional (KENAL)** yang melibatkan program pertukaran pelajar dan pemimpin antara wilayah yang melibatkan Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia bagi menggalakkan sikap toleransi antara mereka.
- iii. **Menjalin kerjasama dengan pertubuhan badan-badan bukan Kerajaan yang menjadi Rakan Perpaduan seperti mengadakan program Latihan Industri Perpaduan dengan *Malaysia Retailer Chains Association* (MRCA) dan *Associated Chinese Chambers of Commerce and Industry of Malaysia* (ACCCIM).**
- iv. **Penubuhan Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Di Antara Penganut Agama (JKMPKA)** sebagai satu usaha kerajaan bagi meningkatkan toleransi antara penganut pelbagai agama.

- v. Pelaksanaan pelbagai program **seperti Program Sayangi Komuniti dan Skim Rondaan Sukarela** oleh Rukun Tetangga bagi menjaga keselamatan dan kesejahteraan komuniti merupakan langkah kerajaan untuk mewujudkan persefahaman dan toleransi antara kaum dalam komuniti setempat.
 - vi. **Media turut dilibatkan dalam inisiatif mempromosikan perpaduan** seperti mengadakan pertemuan dengan media, pemberian anugerah media dan lain-lain bagi membolehkan media untuk memahami dan menghayati erti perpaduan sebenarnya dan dalam masa yang sama mereka turut mempromosi dan menjelaskan polisi-polisi kerajaan kepada orang awam dari masa ke semasa.
- b) Rukun Negara adalah ideologi nasional. Ia adalah satu susunan cara ataupun prinsip hidup bermasyarakat yang mengandungi nilai-nilai kenegaraan dan norma-norma sosial yang meliputi semua aspek kehidupan bernegara yang bertujuan memelihara keharmonian dan kemakmuran negara.

Ideologi nasional ini menggariskan lima prinsip yang lahir daripada aspirasi masyarakat dan negara Malaysia. Ia dibentuk mengikut acuan Malaysia dan dimiliki bersama oleh rakyat berbilang kaum dan agama. Ia juga menjadi pedoman kepada seluruh rakyat Malaysia yang terdiri dari masyarakat pelbagai kaum ke arah pembentukan negara yang bersatu-padu.

Setakat ini, rakyat Malaysia dapat menerima konsep dan semangat Rukun Negara itu dengan baik. Penerimaan ini boleh dilihat melalui persefahaman dan pergaulan seharian tanpa berlaku insiden-insiden yang mencetuskan pergeseran serius ataupun rusuhan kaum yang besar. Walaupun tiada pengukuran khusus dan saintifik yang dibuat setakat ini, namun kerajaan percaya bahawa konsep itu telah dapat diterima dengan baik oleh rakyat keseluruhannya. Ini kerana prinsip-prinsip Rukun Negara inilah yang telah menjadi batu asas untuk kita menikmati keamanan Malaysia yang terbina sehingga ke hari ini. Tidak dapat dinafikan bahawa disebabkan dasar keamanan dan kestabilan negara yang terbina inilah, Malaysia dapat mengecapi pembangunan selari dengan peredaran zaman dan perubahan dunia.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK DR MAKIN @ MARCUS MAJIGOH
(PUTATAN)**

NO. SOALAN : 121

TARIKH : 17 MEI 2016 (SELASA)

Y.B. DATUK DR MAKIN @ MARCUS MAJIGOH meminta Perdana Menteri menyatakan;

- a) Bilakah Malaysia akan menyertai konvensyen antarabangsa mengenai penghapusan segala bentuk diskriminasi kaum (ICERD) seperti yang telah diterima pakai dan dibuka untuk ditandatangani dan diratifikasi oleh Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) tahun 1965; dan
- b) Sekiranya Kerajaan bercadang untuk menyertai ICERD, bilakah ianya berlaku?

JAWAPAN

Tuan Yang diPertua,

Kerajaan masih meneliti keseluruhan kandungan ICERD memandangkan ia perlu dilihat dari pelbagai sudut terutama peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Perlembagaan Malaysia serta senarai bersama dan senarai negeri seperti jadual dalam Perlembagaan Persekutuan berkenaan.

Setakat ini, Kerajaan belum membuat apa-apa penetapan untuk meratifikasikan ICERD dalam masa terdekat.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN SAMAD
(SHAH ALAM)
TARIKH : 18 MEI 2016 (RABU)
NO. SOALAN : 73

SOALAN : Minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi membendung sikap perkauman di kalangan masyarakat, khususnya generasi muda di negara ini.

JAWAPAN :

Yang Di Pertua,

Kerajaan memang peka terhadap betapa pentingnya perhubungan yang baik antara kaum di negara ini terutama di kalangan generasi muda memandangkan mereka ini merupakan para pemimpin negara pada masa akan datang. Menyedari hakikat ini, kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang efektif ke arah mempertingkatkan perpaduan masyarakat di negara ini agar dapat membendung sikap perkauman yang menebal di kalangan masyarakat terutamanya generasi muda seperti berikut:

- a) Melaksanakan **Pelan Tindakan Perpaduan Negara** yang telah dirangka oleh Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) oleh semua kementerian/agensi Kerajaan yang berkenaan ke arah perpaduan nasional dan kesepaduan rakyat Malaysia dengan memberi fokus kepada pemupukan perpaduan di kalangan generasi muda.
- b) Penglibatan golongan muda dari kalangan penganut agama yang berbeza dalam **Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman Dan Keharmonian Di Antara Penganut Agama (JKMPKA)** melalui program seperti Perbincangan Meja Bulat (RTD) dan Dialog Keagamaan.
- c) Penyertaan golongan muda dalam **Program Skwad *Unity*** untuk memberi bantuan semasa bencana alam seperti banjir dan gempa bumi serta menjadi perantaraan antara agensi-agensi kerajaan dengan masyarakat.
- d) Perkongsian dan percambahan idea oleh golongan muda di dalam **siri wacana, perbincangan meja bulat, seminar dan forum** bagi meningkatkan kefahaman mengenai inti pati Rukun Negara, Kontrak Sosial dan Perlembagaan Persekutuan.
- e) Penglibatan golongan muda sebagai **Mediator Komuniti Sebaya (Peer Community Mediator)** agar melakukan pencelahan atau intervensi bagi mencari penyelesaian antara pihak-pihak yang berkonflik di peringkat komuniti.

- f) Meningkatkan penghayatan terhadap prinsip-prinsip Rukun Negara melalui program **MyRukun Negara** di peringkat sekolah rendah dan menengah melalui penubuhan **Kelab Rukun Negara (KRN) dan Sekretariat Rukun Negara (SRN)** di peringkat IPTA dan IPTS juga.

Antara program / aktiviti inovasi baru yang diperkenalkan sebagai *The Way Forward* ialah:

- a) **Melaksanakan Program latihan industri perpaduan** yang bertujuan memberi pendedahan kepada mahasiswa dari pelbagai kaum untuk mengalami sendiri situasi silang budaya, pemahaman antara agama dan penerimaan antara kaum bagi merapatkan hubungan dan persefahaman antara kaum dan menangkis persepsi negatif bahawa syarikat-syarikat bukan bumiputera hanya mengambil pekerja yang terdiri daripada kelompok kaum tertentu sahaja. Sehingga **Disember 2015, terdapat seramai 1022 pelajar bumiputra** terlibat dalam program ini.
- b) Pelaksanaan program informasi yang bertemakan **“Membudayakan Perpaduan, Meraikan Kepelbagaian”** membolehkan rakan-rakan Perpaduan mengukuhkan jaringan sosial dengan pertubuhan persatuan sukarela dan badan bukan kerajaan/NGO untuk menyebarkan mesej perpaduan.

Secara keseluruhannya, Kerajaan telah melakukan pelbagai usaha ke arah memupuk perpaduan dalam membendung sikap perkauman di kalangan masyarakat terutamanya di kalangan golongan belia di negara ini. Sehubungan itu, golongan belia perlu menyambut baik usaha-usaha

tersebut demi menjaga hubungan baik antara kaum terutamanya menyemai benih perpaduan di kalangan mereka agar mereka akan bersama dalam memikul tanggungjawab ke arah terus mengekalkan keharmonian yang telah terbina sekian lama.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI HJ ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM (BALING)

TARIKH : 18 MEI 2016 (RABU)

NO. SOALAN : 149

SOALAN : Minta Perdana Menteri menyatakan adakah pihak Kementerian berhasrat untuk memberi nafas baru atau menaik taraf Skim Rondaan Sukarela dan Rukun Tetangga di mana mereka akan menjadi persatuan atau pertubuhan di mana mereka akan mempunyai bajet sendiri dan ahli-ahli akan mempunyai elaun untuk perkhidmatan masing-masing.

JAWAPAN :

Yang Di Pertua,

Kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) sentiasa memberi keutamaan kepada usaha-usaha menaik taraf dan membangunkan komuniti melalui Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dan Skim Rondaan Sukarela (SRS). Seajar dengan usaha menaik taraf ini, pemerkasaan KRT dan SRS dilakukan selari dengan pembangunan semasa sehingga menjadikan pertubuhan ini mampu berdikari dan menjana pendapatan sendiri. Antara tindakan yang diambil untuk membantu KRT dan SRS memantapkan dana dan tabungan

Jawatankuasa berkenaan khususnya bagi tujuan kemendirian pertubuhan tersebut sekaligus membantu membangunkan ekonomi komuniti persekitarannya adalah seperti berikut:

- a) **Menyediakan ruang dan peluang dari segi latihan kemahiran dan fasilitator** kepada kawasan Rukun Tetangga (RT) yang berpotensi membangun dari segi projek-projek ekonomi. Antaranya latihan kemahiran penghasilan produk dan teknik pemasaran serta latihan kemahiran pengurusan dan pengendalian keusahawanan dan perniagaan. Latihan ini dikendalikan oleh agensi-agensi atau badan-badan berkemahiran yang mampu membantu membangunkan projek-projek ekonomi di KRT berkenaan. Antaranya adalah Projek Inovasi Sosial RT “Digital Mall” yang membantu menyediakan kemahiran untuk meningkatkan kualiti produk RT melalui kaedah pemasaran secara atas talian dengan mengambil kira bantuan kepakaran penilaian kualiti produk atau perkhidmatan yang ditawarkan KRT serta kemahiran dalam mengiklankan produk dan perkhidmatan berkenaan.
- b) **Membantu mewujudkan jaringan kerjasama dengan badan-badan usahawan yang telah berjaya sebagai role model dan fasilitator melalui Program J-Nita.** Program ini dijalankan dengan kerjasama UniKL dan lain-lain agensi yang berkaitan bertujuan untuk membangunkan potensi produk ekonomi yang dihasilkan sekaligus memupuk kesungguhan komuniti membangunkan sendiri projek-projek ekonomi yang berpotensi berdasarkan hasil bumi dan produk IKS kawasan masing-masing. Beberapa KRT seperti KRT Telaga Batin Terangganu, KRT

Ketereh Kelantan dan lain-lain kawasan sekitar Kuala Lumpur dan Selangor yang telah berjaya membangunkan projek ekonomi komuniti melalui usahasama semua pihak berkaitan di kawasan Rukun Tetangga berkenaan.

- c) **Memberi dan menyediakan ruang integrasi yang kukuh dari segi pembangunan ekonomi melalui Program Komuniti Ekonomi Rukun Tetangga Integrasi Nasional (KENAL)** yang melibatkan perhubungan dan perkongsian pengetahuan dan kemahiran ekonomi antara Semenanjung dan juga Sabah dan Sarawak. Antara lain tujuannya adalah untuk meneroka sumber dan kawasan yang berpotensi untuk dibangunkan dan diusahakan menjadi kawasan pembangunan projek ekonomi komuniti khususnya di kawasan RT bagi menjana pendapatan khususnya golongan belia yang berminat dalam bidang ekonomi.
- d) **Menyediakan platform pengiktirafan dan penganugerahan kepada pencapaian dalam pembangunan ekonomi oleh Rukun Tetangga.** JPNIN menggalakkan penglibatan komuniti dalam pembangunan ekonomi dengan menganjurkan Program Anugerah Perdana Rukun Tetangga sebagai platform mengiktiraf pencapaian komuniti KRT dalam pelbagai bidang termasuklah pencapaian Anugerah Projek Ekonomi Cemerlang. Antaranyas KRT Bukit Kuda Labuan yang memenangi Anugerah Projek Ekonomi Cemerlang, KRT Taman Sri Mawar Seremban, KRT Taman Putri Keluang Johor dan lain-lain KRT yang berjaya menerima Anugerah Projek Ekonomi Cemerlang dengan mengetengahkan pencapaian cemerlang projek ekonomi masing-masing.

- e) **Menggalakkan Inovasi dalam pembangunan ekonomi KRT di mana** JPNIN membuka ruang untuk komuniti mencipta kreativiti dengan penghasilan projek-projek inovasi yang mampu menghasilkan pulangan yang memberangsangkan kepada ekonomi KRT. Antara kejayaan yang dicapai KRT dalam penghasilan projek inovasi adalah Projek *Unity Alarm* yang mendapat tempat ke-3, Projek *Unity Drum Urban Farming* mendapat tempat ke-2 serta Projek Inovasi Walki to Phone yang memenangi Anugerah Produk Terbaik peringkat Anugerah Inovasi Jabatan Perdana Menteri.

Memandangkan Rukun Tetangga adalah pertubuhan sosial, ia merupakan sebuah organisasi yang bersifat sukarela dan ahli-ahlinya digalakkan agar mengamalkan semangat kesukarelaan dalam menguruskan KRT dan SRS serta bertindak secara proaktif dan berdikari untuk menjana sumber pendapatan sendiri melalui pembangunan projek-projek ekonomi bagi meningkatkan taraf hidup masyarakat setempat sekaligus menjadi pemangkin kepada kesejahteraan komuniti.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL A/L KARPAL SINGH
(BUKIT GELUGOR)**

TARIKH : 23 MEI 2016 (ISNIN)

SOALAN NO : 98

Y.B. TUAN RAMKARPAL A/L KARPAL SINGH minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada kerajaan bercadang untuk memperkenalkan undang-undang yang spesifik untuk memberi definisi kepada perkauman (*racism*) dan juga untuk mengurangkan masalah perkauman yang kini semakin berleluasa.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Setakat ini, Kerajaan belum bercadang untuk memperkenalkan satu undang-undang khusus untuk memberi definisi kepada perkauman (*racism*) di negara ini. Sebenarnya Akta Hasutan 1948 Pindaan 2015 masih berupaya untuk membendung sebarang kesalahan dan ancaman yang melibatkan perkauman buat masa ini tetapi ianya bercorak punitif.

Walaupun demikian, kerajaan menyambut baik saranan daripada Yang Berhormat, dan kerajaan sedang dalam proses menggubal satu akta dinamakan Akta Keharmonian Nasional yang lebih mesra rakyat kerana ia akan menggunakan pendekatan bercorak *corrective measures* yang lebih tertumpu ke arah usaha-usaha untuk memberi kesedaran, pendidikan, menerapkan nilai-nilai kesederhanaan, nilai-nilai moral serta nilai-nilai kenegaraan.

Sehingga peringkat ini, Kerajaan masih dalam usaha menganalisis dan meneliti secara terperinci input dan cadangan-cadangan yang diperolehi melalui pendampingan awam (*public engagement*) dengan pihak-pihak yang berkepentingan seperti ahli akademik, jabatan dan agensi kerajaan, badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan pemimpin masyarakat di peringkat komuniti.

Memandangkan Akta ini memerlukan penelitian yang terperinci dan mendalam sebelum dimuktamadkan, usaha-usaha untuk mendapatkan input dari masyarakat sivil (*Civil society*) masih diteruskan supaya hasil yang diperolehi itu kelak lebih menyeluruh dan inklusif. Ini kerana kerajaan perlu mengkaji implikasi pewujudan satu undang-undang seperti ini kepada masyarakat dan juga membuat semakan secara mendalam supaya perbandingan dapat dibuat bagi memastikan undang-undang baru ini tidak bertindih dengan mana-mana Akta yang sedang berkuatkuasa pada masa kini.

Kerajaan amat menyedari bahawa penggubalan sesuatu Akta memerlukan penelitian dan ia tidak boleh dihasilkan dalam tempoh yang singkat, supaya hasilnya nanti akan memberikan impak yang boleh

diterima oleh semua pihak. Adalah diharapkan juga sesuatu akta yang akan digubalkan nanti akan dapat membantu kerajaan di dalam usaha memelihara keharmonian di antara kaum di negara ini.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI
(CHERAS)**

TARIKH : 23 MEI 2016 (ISNIN)

SOALAN NO : 138

Y.B. DATUK NG CHIANG CHIN minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bahawa memandangkan terdapat kecenderungan ke arah perkauman di kalangan rakyat Malaysia masa kini, sejauh manakah kerajaan telah mengusahakan supaya diwujudkan Akta Jenayah Kaum dan Agama dan suatu Akta Keharmonian dan Permuafakatan Nasional untuk menyekat ucapan dan aktiviti berbaur kebencian kaum/agama dan diskriminasi seperti yang dicadangkan oleh SUHAKAM.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Buat masa ini kerajaan masih belum bersedia untuk menggubal akta seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat memandangkan sebenarnya Akta Hasutan 1948 Pindaan 2015 masih berupaya untuk membendung sebarang kesalahan dan ancaman yang melibatkan perkauman seperti dalam menyekat ucapan dan aktiviti berbaur kebencian / agama dan diskriminasi kaum secara pendekatan punitif.

Walaupun demikian, kerajaan menyambut baik saranan daripada Yang Berhormat, dan kerajaan sedang dalam proses menggubal satu akta dinamakan Akta Keharmonian Nasional yang lebih mesra rakyat kerana ia akan menggunakan pendekatan bercorak *corrective measures* yang lebih tertumpu ke arah usaha-usaha untuk memberi kesedaran, pendidikan, menerapkan nilai-nilai kesederhanaan, nilai-nilai moral serta nilai-nilai kenegaraan.

Sehingga peringkat ini, Kerajaan masih dalam usaha menganalisis dan meneliti secara terperinci input dan cadangan-cadangan yang diperolehi melalui pendampingan awam (*public engagement*) dengan pihak-pihak yang berkepentingan seperti ahli akademik, jabatan dan agensi kerajaan, badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan pemimpin masyarakat di peringkat komuniti.

Memandangkan Akta ini memerlukan penelitian yang terperinci dan mendalam sebelum dimuktamadkan, usaha-usaha untuk mendapatkan input dari masyarakat sivil (*Civil society*) masih diteruskan supaya hasil yang diperolehi itu kelak lebih menyeluruh dan inklusif. Ini kerana kerajaan perlu mengkaji implikasi pewujudan satu undang-undang seperti ini kepada masyarakat dan juga membuat semakan secara mendalam supaya perbandingan dapat dibuat bagi memastikan undang-undang baru ini tidak bertindih dengan mana-mana Akta yang sedang berkuatkuasa pada masa kini.

Kerajaan amat menyedari bahawa penggubalan sesuatu Akta memerlukan penelitian dan ia tidak boleh dihasilkan dalam tempoh yang singkat, supaya hasilnya nanti akan memberikan impak yang boleh

diterima oleh semua pihak. Adalah diharapkan juga sesuatu akta yang akan digubalkan nanti akan dapat membantu kerajaan di dalam usaha memelihara keharmonian di antara kaum di negara ini.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK JOSEPH SALANG ANAK GANDUM
(JULAU)**

TARIKH : 26 MEI 2016 (KHAMIS)

NO. SOALAN : 144

SOALAN : Minta Perdana Menteri menyatakan adakah kerajaan sedar bahawa ada pihak-pihak yang mengatakan dalam usaha kerajaan membangunkan perpaduan nasional dengan tidak sengaja usaha tersebut menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan beberapa kaum di Malaysia. Apakah langkah proaktif kerajaan mengatasi perkara tersebut.

JAWAPAN :

Yang Di Pertua,

Kerajaan sememangnya sedar bahawa usaha untuk meningkatkan perpaduan nasional dan keharmonian masyarakat bukan satu usaha yang mudah kerana ia adalah satu tanggungjawab bersama oleh semua pihak. Oleh itu, Kerajaan secara berterusan memperkenalkan polisi dan dasar yang mengambilkira kepentingan semua rakyat Malaysia agar tidak ada pihak yang dipinggirkan dalam mengejar arus pembangunan

dan kemajuan. Namun, dalam pelaksanaan polisi dan dasar tersebut, kemungkinan terdapat ketirisan, penyalahgunaan kuasa dan permasalahan integriti yang menyebabkan sesuatu kaum berasa tidak puas hati apabila mereka tidak dapat menikmati manfaat sepenuhnya seperti kaum-kaum lain.

Untuk mengelakkan daripada keadaan negatif seperti ini terus berlaku, Kerajaan merancang pendekatan proaktif dalam pelaksanaan program-program dengan memberi penekanan kepada aspek-aspek berikut:

a) Aspek Perancangan

Memastikan semua inisiatif dilaksanakan oleh agensi-agensi Kerajaan mengambil kira kepentingan kaum-kaum di Malaysia dan dilaksanakan berlandaskan Perlembagaan Persekutuan, Rukun Negara, Dasar-Dasar Kerajaan sedia ada dan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11) dengan fokus kepada memenuhi keperluan, merit, ketelusan, persaingan yang sihat dan melakukan penjajaran (*realignment*) jika perlu, agar keperluan rakyat dapat dipenuhi.

b) Aspek Pelaksanaan

Melaksana dan menyelaras dasar dan inisiatif seperti di persetujui Kerajaan dan berupaya mentransformasikan program-program perpaduan untuk mempertingkatkan perpaduan kaum serta integrasi nasional. Namun, apa yang paling utama ialah bagaimana penglibatan rakyat pelbagai kaum dapat mengaplikasi apa yang diperolehi dan dipelajari daripada program-program perpaduan tersebut.

c) **Aspek Pemantauan**

Memantau dan memastikan program-program perpaduan dan penyertaan kaum adalah signifikan di dalam semua inisiatif yang disediakan melalui agensi-agensi Kerajaan di dalam bidang-bidang yang berupaya meningkatkan dan memperkukuhkan perpaduan.

d) **Aspek Pelaporan**

Melapor pencapaian petunjuk prestasi utama inisiatif disediakan oleh agensi-agensi Kerajaan kepada agensi pusat atau Mesyuarat Jemaah Menteri agar kepincangan yang berlaku seperti luahan ketidakpuasan hati rakyat dapat ditangani segera oleh Kerajaan melalui pendampingan (*engagement*) yang kerap oleh pegawai-pegawai Kerajaan.

e) **Aspek Penilaian**

Kerajaan di bawah pimpinan YAB Perdana Menteri sentiasa mengumpul input dari pelbagai kelompok pemegang taruh, termasuklah agensi-agens kerajaan, sektor swasta dan NGO bagi membolehkannya menilai keberkesanan dasar dan inisiatif, serta melakukan penerokaan inisiatif baru terhadap program-program yang memberi manfaat kepada rakyat. Maklum balas yang diperolehi amat penting bagi membolehkan Kerajaan mengenal pasti kelemahan dalam pelaksanaan inisiatif-inisiatifnya.

Tidak dapat dinafikan bahawa adalah amat sukar untuk memuaskan hati semua pihak secara kolektif melalui polisi dan dasar yang diperkenalkan oleh Kerajaan kerana tentunya ada pihak yang tidak berpuashati

memandangkan tahap kepuasan antara manusia adalah berbeza antara satu sama lain. Tetapi Kerajaan sentiasa bersedia mendengar luahan hati rakyat melalui sesi pendampingan yang diadakan agar suara hati dan keluhan rakyat dapat diketengahkan agar dapat mencari jalan penyelesaiannya secara positif.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR ARIFFIN BIN S.M. OMAR

TARIKH : 13 JUN 2016 (ISNIN)

NO. SOALAN : 36

SOALAN : Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menangani isu-isu perkauman serta isu-isu agama yang menjejaskan hubungan baik antara kaum di Malaysia.

JAWAPAN :

Yang Di Pertua,

Memang diakui bukan mudah untuk rakyat berbilang bangsa dan agama mendiami sesebuah negara dan berkongsi semuanya. Tetapi sebenarnya rakyat Malaysia telah membuktikan bahawa kepelbagaian itu bukanlah suatu penghalang sehingga Malaysia selama ini telah menikmati keamanan dan kestabilan tanpa berlakunya rusuhan kaum yang besar-besaran.

Kerajaan yang diketuai oleh YAB Datuk Seri Najib Tun Razak sudah beberapa kali membuat **peringatan, amaran serta penegasan** berhubung permainan isu perkauman dan agama yang dijadikan modal

oleh kelompok-kelompok tertentu demi kepentingan sendiri. Disebabkan perbuatan membangkitkan isu-isu sensitif ini akan menyaksikan rakyat negara ini yang terdiri dari pelbagai kaum bertelingkah dan berkonflik dan pasti memberi kesan ke atas kesejahteraan rakyat dan kestabilan negara.

Tan Sri Yang DiPertua,

Kerajaan menggunakan pendekatan **mendampingi dan mendidik**, dengan izin “**engage and educate**” dalam program-program yang dilaksanakan untuk menyatupadukan rakyat. Antara langkah-langkah yang diambil untuk menangani isu-isu perkauman serta isu-isu agama di kalangan rakyat adalah seperti berikut:

- a) Mempergiatkan lagi persefahaman di kalangan penganut pelbagai agama melalui **Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman Dan Keharmonian Di Antara Penganut Agama (JKMPKA)** yang terdiri daripada wakil pemimpin Islam dan bukan Islam seperti Hindu, Buddha, Kristian, Sikh, Tao dan Baha’i dengan mengadakan program seperti Perbincangan Meja Bulat (RTD) dan Dialog Keagamaan.
- b) Pelaksanaan program informasi yang bertemakan “**Membudayakan Perpaduan, Meraikan Kepelbagaian**” membolehkan rakan-rakan Perpaduan mengukuhkan jaringan sosial dengan pertubuhan persatuan sukarela dan badan bukan kerajaan/NGO untuk menyebarkan mesej perpaduan.

- c) Di peringkat komuniti, **Program Skuad Unity** yang terutamanya dianggotai oleh golongan muda untuk memberi bantuan semasa bencana alam seperti banjir dan gempa bumi serta menjadi perantaraan antara agensi-agensi kerajaan dengan masyarakat.
- d) Menggalakkan penyertaan belia dalam **siri wacana, perbincangan meja bulat, seminar dan forum** bagi percambahan dan perkongsian idea untuk meningkatkan kefahaman mengenai inti pati Rukun Negara, Kontrak Sosial dan Perlembagaan Persekutuan.
- e) Menyebarkan pendidikan perdamaian di kalangan ahli-ahli masyarakat sebagai **Mediator Komuniti** agar melakukan pencelahan atau intervensi bagi mencari penyelesaian antara pihak-pihak yang berkonflik di peringkat komuniti.
- f) Meningkatkan penghayatan kepada prinsip-prinsip Rukun Negara melalui program **MyRukun Negara** sebagai asas perpaduan nasional melalui penubuhan **Kelab Rukun Negara** di peringkat sekolah rendah dan menengah serta **Sekretariat Rukun Negara** di peringkat IPTA dan IPTS juga.

Antara program / aktiviti inovasi baru yang diperkenalkan sebagai **The Way Forward** adalah seperti berikut:

- a) **Melaksanakan Pelan Tindakan Perpaduan Negara** oleh semua agensi Kerajaan yang berkenaan ke arah mewujudkan perpaduan nasional dan kesepaduan sosial di kalangan rakyat Malaysia.

- b) **Melaksanakan Program latihan industri perpaduan** yang bertujuan memberi pendedahan kepada mahasiswa dari pelbagai kaum untuk mengalami sendiri situasi silang budaya, pemahaman antara agama dan penerimaan antara kaum bagi merapatkan hubungan dan persefahaman antara kaum dan menangkis persepsi negatif bahawa syarikat-syarikat bukan bumiputera hanya mengambil pekerja yang terdiri daripada kelompok kaum tertentu sahaja.
- c) Memperkenalkan **Program Sayangi Komuniti** di peringkat akar umbi bagi memberi penekanan kepada keselamatan, kebersihan, keselesaan, pendidikan, kesejahteraan dan semangat perpaduan di kawasan kediaman terutama di kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR).

Secara keseluruhannya, Kerajaan telah melakukan pelbagai usaha dalam mengekalkan perpaduan kaum di negara Malaysia tercinta ini. Sehubungan itu, kita sebagai rakyat Malaysia tanpa mengira ideologi fahaman politik seharusnya bersyukur dengan keamanan yang kita kecapai sehingga ke hari ini di samping dapat mengekalkan keharmonian antara kaum yang berbilang bangsa, agama dan budaya. Oleh demikian, kita harus berusaha menjaga dan terus mengekalkan hubungan baik sesama masyarakat dengan keharmonian yang telah terbina sekian lama.

Sekian, terima kasih

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TAN SRI NALLA K.S

TARIKH : 20 JUN 2016 (ISNIN)

NO. SOALAN : 22

SOALAN : Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional mempunyai indeks perpaduan yang dapat dijadikan panduan untuk menilai isu perpaduan dalam negara dan bilakah kerajaan bercadang untuk memperkenalkan Rang Undang-Undang Perhubungan Kaum (*Race Relation Act*).

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan telah melakukan pelbagai usaha dalam mengekalkan perpaduan kaum di negara Malaysia tercinta ini. Walaupun terdapat perbezaan ideologi politik, kita haruslah mengawalinya supaya tidak menjadi tegang serta menjaga hubungan baik sesama masyarakat dengan keharmonian yang telah terbina sekian lama.

Pada masa ini, Kerajaan Malaysia melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) mempunyai suatu indeks yang dikenali

sebagai Indeks Ketegangan Masyarakat (IKM) atau “*Societal Stress Index (SSI)*” yang bertujuan mengukur tahap ketegangan yang dimanifestasikan oleh orang ramai melalui keganasan, rusuhan, demonstrasi, protes, serangan, pergaduhan serta melihat reaksi terhadap isu-isu yang dilaporkan di dalam media dan menjadi polemik sehingga membangkitkan rasa tidak puas hati atau kebimbangan di kalangan rakyat.

IKM yang digunapakai sekarang dilihat tidak begitu komprehensif untuk mengukur tahap perpaduan di kalangan rakyat Malaysia pelbagai kaum. Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dan Unit Perancang Ekonomi (EPU) kini sedang dalam proses mengkaji kemungkinan membangunkan suatu indeks nasional yang mungkin dikenali sebagai Indeks Komposit Perpaduan Nasional (IKPN) dengan mengenalpasti dimensi yang sesuai untuk memberi gambaran kehidupan sosio-ekonomi masyarakat pelbagai etnik dan kualiti hidup dan seterusnya berupaya mencerminkan tahap kesepaduan sosial dan perpaduan rakyat pelbagai kaum di Malaysia.

Berhubung Rang Undang-Undang Perhubungan Kaum (*Race Relation Act*), pendirian Kerajaan adalah jelas iaitu tidak bercadang untuk memperkenalkan atau menggubal suatu rang undang-undang baharu memandangkan undang-undang sedia ada masih mampu menangani isu-isu perkauman dengan baik di negara ini.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK YAHAYA BIN MAT GHANI
TARIKH : 20 JUN 2016 (ISNIN)
NO. SOALAN : 52

SOALAN:

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan integrasi di antara penduduk-penduduk Malaysia Barat dan Timur masih belum memuaskan kerana beberapa perbezaan dari segi bahasa, keturunan dan budaya. Apakah tindakan Kerajaan dalam menangani permasalahan integrasi di antara penduduk di tempat yang dinyatakan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Sebenarnya perbezaan dari segi bahasa, keturunan dan budaya di antara penduduk di Malaysia Barat dan Malaysia Timur bukanlah satu penghalang untuk berlakunya integrasi antara kedua-dua wilayah tersebut. Perbezaan inilah menunjukkan bahawa rakyat negara ini adalah masyarakat yang terdiri dari pelbagai budaya dan agama (*multi-culture dan multi-religious*) dan kepelbagaian (*diversity*). Ini sepatutnya dihargai dan diraikan bersama dan bukannya dilihat sebagai satu

halangan ke arah integrasi kaum. Perbezaan seperti ini merupakan '*in-built culture*' yang sememangnya tidak dapat diubah ataupun dipisahkan daripada kehidupan masyarakat Malaysia.

Mengambil kira hakikat ini, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai program mengikut kumpulan sasar tertentu ke arah mengekalkan kepelbagaian ini dengan memberikan kesedaran kepada semua penduduk Malaysia bahawa kepelbagaian ini merupakan satu keistimewaan dan keunikan Malaysia dan ianya seharusnya dikekalkan dan diperkuatkan lagi agar setiap kaum di negara ini dapat terus menerima dan menghormati perbezaan kaum-kaum lain di negara ini tanpa sebarang sikap prejudis.

Antara ialah program-program integrasi yang bertujuan untuk merapatkan hubungan masyarakat di antara tiga wilayah yang terpisah adalah seperti berikut :

- a) **Program Integrasi Pemimpin Masyarakat bersama keluarga angkat** di mana para pesertanya terdiri dari kumpulan pemimpin Rukun Tetangga, Jiran Wanita, para belia dan NGO yang mengikuti program ini supaya dapat meningkatkan persefahaman dan semangat muhibah di kalangan peserta dari Semenanjung, Sarawak, WP Labuan dengan keluarga masyarakat di Negeri Sabah dan Sarawak dalam usaha untuk memelihara, mengukuh dan meningkatkan keharmonian rakyat di samping dapat mengurangkan semangat prejudis dan mempertingkatkan lagi perpaduan serta semangat persaudaraan antara masyarakat selaras dengan Gagasan 1Malaysia.

- b) Program Komuniti Ekonomi Rukun Tetangga Integrasi Nasional (KENAL)** yang telah dijalankan di beberapa lokasi di Malaysia Barat dan Timur juga telah berjaya mengintegrasikan ahli-ahli Rukun Tetangga (RT) kerana program ini bukan sahaja melibatkan perhubungan dan perkongsian pengetahuan dan kemahiran ekonomi antara Semenanjung dan juga Sabah dan Sarawak malah ia juga telah menjadi satu platform bagi mereka mempelajari budaya dan adat resam masyarakat setempat yang mereka lawati bagi meningkatkan integrasi antara mereka.
- c) Program Orientasi Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Dari Semenanjung Yang Baru Bertugas di Sabah, Sarawak dan WP Labuan** yang bertujuan memberi pendedahan kepada pegawai-pegawai dari Semenanjung yang bertugas di Sabah dan Sarawak mengenai adat resam dan budaya hidup masyarakat setempat agar mereka dapat memahami cabaran-cabaran serta menyesuaikan diri dengan kehidupan yang berbeza yang akan mereka alami sepanjang mereka bertugas di sesuatu tempat agar mereka dapat bergaul mesra dengan masyarakat setempat atas dasar saling memerlukan untuk mengukuhkan silaturahim dan integrasi nasional.
- d) Program Integrasi Komuniti**
Program Integrasi Komuniti atau Lawatan Integrasi yang dilaksanakan semenjak 9 Mei 1984 telah melibatkan 9,120 orang Pemimpin Masyarakat dan Ketua – Ketua Kaum di Semenanjung dengan Sabah, Sarawak dan WP Labuan. Program lawatan ini diadakan sempena majlis-majlis utama di Malaysia yang bertujuan memberi peluang kepada peserta melihat dan mengalami sendiri

sambutan tersebut di mana mereka berpeluang untuk berinteraksi dengan penduduk tempatan bagi mengeratkan perasaan muhibbah dan menjalin kerjasama, meningkatkan kefahaman dan pengalaman mengenai pembangunan sosio-ekonomi masyarakat berbilang etnik dan mengukuhkan semangat kesetiaan kepada Negara.

Bagi memastikan keharmonian dan perpaduan negara pelbagai kaum terus dipertingkatkan maka pelbagai program dan inisiatif Kerajaan yang tidak meminggirkan mana-mana rakyat di negara ini juga dipergiatkan melalui program-program yang sedang dan akan terus dilaksanakan oleh beberapa kementerian dan agensi kerajaan lain yang juga menggalakkan interaksi dan memupuk integrasi nasional seperti penempatan pelajar-pelajar dari dua wilayah dalam institusi-institusi pengajian tinggi, program pendidikan guru, latihan kemahiran, Program Latihan Khidmat Negara, program pembangunan belia dan sukan, program seni budaya, program koperasi dan kepenggunaan dan sebagainya.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN M.KULASEGARAN (IPOH BARAT)

TARIKH : 18 OKTOBER 2016 (SELASA)

NO. SOALAN : 8

SOALAN : Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status terkini terhadap proses perdamaian nasional yang telah dibentangkan sejak beberapa tahun yang lalu dan apakah pencapaian yang telah dicapai atas proses perdamaian tersebut.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Konsep Perdamaian Nasional merupakan ilham yang terbit dari hati nurani YAB Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia untuk menambah baik hubungan di kalangan rakyat berbilang kaum dan latar belakang di negara ini serta beliau telah menzahirkannya dengan jelas bahawa itulah halatuju Negara yang akan dicapai dalam jangka masa panjang dan pendek. Untuk mencapai perdamaian nasional ini perlu melalui pelbagai peringkat dan proses kerana ia tidak boleh direalisasikan dalam masa yang singkat.

Pelaksanaan konsep penyatuan nasional terbahagi kepada dua peringkat iaitu peringkat dasar melalui penubuhan Majlis Konsultatif Perpaduan Negara (MKPN) di mana fokusnya untuk merintis jalan ke arah mencari penyelesaian ke atas masalah polarisasi kaum secara inklusif. Manakala peringkat kedua melibatkan pelaksanaan program-program berbentuk gerakan sosial di peringkat akar umbi (*social grassroot movement*) yang tertumpu kepada perkhidmatan untuk rakyat.

Setakat ini, Kerajaan melalui penubuhan Majlis Konsultasi Negara (MKPN) atau *National Unity Consultative Council (NUCC)* telah pun mengenalpasti isu-isu, input, idea serta cadangan dari pelbagai pihak melalui 18 siri Sanggar Bicara dan 20 pendampingan awam di peringkat akar umbi di seluruh negara sehingga terhasilnya *Blueprint – Pelan Perpaduan, Kesepaduan dan Penyatupaduan Negara* yang mengandungi 9 hasil utama (*outcome*) dan 16 cadangan (*recommendation*) dan dihasilkan dengan tujuan untuk memupuk perpaduan dan mempertahankan kesepaduan sosial dalam kalangan rakyat Malaysia dalam mewujudkan satu Penyatuan Nasional.

Gerakan di peringkat akar umbi pula dilaksanakan melalui pendekatan “***engage and educate***” untuk mewujudkan sikap saling hormat-menghormati, persefahaman, membina jaringan kerjasama sebagai asas untuk mewujudkan ikatan sosial (*social bonding*) bagi mewujudkan perpaduan negara melalui program-program seperti berikut:-

- i) **Penubuhan Skwad Uniti** bagi menyelesaikan masalah komuniti melalui mediasi dan bantuan awal sekiranya berlaku kecemasan dan malapetaka di kalangan penduduk setempat;

- ii) **Program Demi Negara** yang menekankan kepada penghayatan Rukun Negara sebagai asas perpaduan nasional melalui program **MyRukun Negara dan program Silang Budaya** di 1,781 Tabika Perpaduan, 6,068 Kelab Rukun Negara di peringkat sekolah dan di 150 Sekretariat Rukun Negara di peringkat IPTA dan IPTS.
- iii) **Pewujudan Pusat Mediasi Komuniti** dengan seramai 1,028 orang mediator komuniti yang bertauliah di kalangan pemimpin masyarakat dan pegawai JPNIN bagi menangani dan menyelesaikan kes-kes konflik antara kaum melalui pendekatan *win-win situation*;
- iv) **Pertambahan dalam bilangan penubuhan Kawasan Rukun Tetangga** di seluruh negara iaitu sebanyak 7,684 kawasan telah membuka ruang bagi penyampaian pelbagai program kemasyarakatan kepada kumpulan sasaran yang terlibat; dan
- v) Pelaksanaan **kebanyakan program dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS)** seperti Program Rondaan Awam Polis dan Tentera (RAPAT), Komuniti Sihat Perkasa Negara (KOSPEN) dan Program Komuniti Ekonomi dan Sosial Rukun Tetangga Integrasi Nasional (KENAL) bagi memberi perkhidmatan yang berkualiti kepada rakyat.

Program-program ini dilaksanakan oleh Kerajaan secara berterusan dengan mengambil kira keperluan masyarakat di peringkat akar umbi.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI
NASARAH (LENGGONG)**

TARIKH : 21 NOVEMBER 2016 (ISNIN)

NO. SOALAN : 13

SOALAN : Minta **Perdana Menteri** menyatakan apakah mekanisme terbaik yang sedang/telah dirangka oleh Kerajaan dalam memupuk semangat perpaduan antara kaum, menghormati agama antara satu sama lain dan tidak mencetuskan provokasi yang mampu meruntuhkan institusi perpaduan di dalam Negara.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Saya memohon supaya soalan YB Lenggong dijawab sekali dengan soalan No.11 pada 23 November 2016 oleh YB Simpang Renggam kerana mempunyai maksud hampir sama. Mohon Ahli Yang Berhormat berkenaan mengambil maklum dan perhatian ke atas perkara ini.

Kerajaan sedar betapa pentingnya kepelbagaian dari segi kaum dan agama dan sentiasa melaksanakan pendampingan awam bersama kumpulan NGO, belia serta kumpulan berkepentingan bertujuan untuk memupuk nilai hormat-menghormati dan semangat perpaduan seperti berikut:

- a) Membangunkan sebuah **Pelan Strategik Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama 2016-2017** bertujuan untuk menjayakan dan melaksanakan program dan aktiviti persefahaman dan keharmonian yang mampu meredakan dan mengembalikan keamanan di kalangan penganut agama.
- b) Menyebarkan mesej keharmonian antara agama dan muhibah di masjid, gereja, kuil dan rumah ibadat lain, secara sukarela serta meningkatkan keharmonian, persefahaman dan kerjasama antara penganut agama melalui program **World Interfaith Harmony Week** setiap minggu pertama bulan Februari setiap tahun.
- c) Menyelesaikan apa-apa pertikaian dan konflik kaum dan agama melalui pendekatan **mediasi komuniti** supaya perasaan tidak puas hati diselesaikan serta suasana tegang dapat dileraikan.
- d) Memupuk semangat toleransi, kesederhanaan dan hormat-menghormati dalam kalangan rakyat berbilang agama dan bangsa melalui penganjuran **Hari Toleransi Sedunia**.

Perpaduan dan keharmonian negara hanya akan terbentuk sekiranya lahir semangat patriotisme di dalam jiwa setiap warganegara Malaysia khususnya dalam kalangan golongan muda. Menyedari hakikat mengenai kepentingan semangat ini, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional aktif mengadakan program-program yang dapat membantu menanam semangat cintakan negara seperti berikut:

- a) Mendidik **asas silang budaya** bagi memupuk perpaduan antara kaum. Pendidikan silang budaya merupakan satu titik kebersamaan untuk membolehkan para pelajar memahami dan menghormati bahasa, agama dan budaya kaum-kaum lain.
- b) Meningkatkan penghayatan Rukun Negara melalui **Program MyRukun Negara** kepada pelajar-pelajar di Tabika Perpaduan, sekolah rendah, menengah dan di institusi pengajian tinggi melalui **Kelab Rukun Negara dan Sekretariat Rukun Negara**.
- c) Memperluaskan **Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP)** kepada mahasiswa-mahasiswa universiti untuk menggalakkan silang budaya melalui penempatan pelajar bumiputera di syarikat-syarikat bukan bumiputera. Pada tahun 2015, seramai **1022 mahasiswa bumiputera** berpeluang mengikuti PLIP dan kebanyakan mereka amat berpuas hati dengan program tersebut kerana berjaya membina keyakinan diri untuk berinteraksi dengan kaum lain serta mempelajari selok belok di dalam dunia pekerjaan.
- d) Meningkatkan interaksi di kalangan komuniti setempat melalui aktiviti gotong-royong di dalam **Program Sayangi Komuniti** di 30

buah Kawasan Rukun Tetangga (KRT) di lokasi miskin bandar dan pinggir bandar (kumpulan B40) yang berisiko tinggi dan berbagai kaum.

- e) Penubuhan sebanyak **42 pasukan Skwad Uniti** sebagai satu gerakan sosial di peringkat akar umbi yang menekankan kepada hubungan kerjasama dan jaringan yang kukuh serta sikap tolong-menolong di kalangan masyarakat pelbagai kaum.
- f) Memperkukuhkan kerjasama **perkongsian strategik (NBOS)** antara Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dengan mengadakan **program RAPAT iaitu Rondaan Awam, Polis dan Angkatan Tentera Malaysia** di 90 buah kawasan di seluruh negara untuk memastikan keamanan dan keselamatan kawasan kediaman.

Semua usaha-usaha yang dilakukan sememangnya berupaya meningkatkan penghayatan rakyat terhadap semangat patriotisme. Sumber Biro Tatanegara (BTN) melalui kajian 2015 Indeks Patriotisme Negara bertujuan mengukur tahap cinta negara / patriotisme rakyat Malaysia menunjukkan **tahap patriotisme rakyat Malaysia berada pada skala likert 4.19 dari skala likert 5.0 iaitu menghampiri tahap sangat baik**. Dari penemuan positif kajian tersebut, didapati bahawa tahap patriotisme di kalangan golongan muda yang memperlihatkan ciri-ciri kecintaan terhadap tanah air amatlah tinggi.

Namun perlu ditekankan bahawa usaha-usaha memupuk semangat patriotisme ini bukanlah tanggungjawab Kerajaan semata-mata, malahan semua pihak sama ada agensi kerajaan, swasta dan badan

bukan kerajaan turut digesa bekerjasama melahirkan warganegara yang cintakan tanah air. Usaha-usaha secara berterusan ini berupaya membentuk model bangsa Malaysia yang dihormati dan disegani dan sekali gus membentuk sebuah masyarakat Malaysia yang bersatu padu.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK LIANG TECK MENG
(SIMPANG RENGAM)**

TARIKH : 23 NOVEMBER 2016 (RABU)

NO. SOALAN : 11

SOALAN : Minta Perdana Menteri menyatakan:

- a) Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam menjamin silaturahim dan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia; dan
- b) Sejauh manakah tahap patriotisme dalam kalangan belia dan usaha Kerajaan dalam menjayakan model bangsa Malaysia

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Agenda perpaduan sentiasa dititikberatkan kerana dengan bersatu hati kita dapat membina sebuah negara yang aman damai, sejahtera rakyatnya dengan keadaan politiknya yang stabil serta ekonomi yang kukuh dan dapat menarik minat pelabur asing.

Menyedari hakikat ini, JPNIN mengambil pendekatan melalui program pendampingan awam dengan NGO, belia pelbagai kaum dan agama serta kumpulan berkepentingan dengan cara mendampingi dan mendidik dengan izin (***engage and educate***). Antara langkah-langkah yang diambil dalam menjamin silaturahmi dan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia adalah seperti berikut:

- a) Menggubal **Pelan Tindakan Perpaduan** yang inklusif merentasi semua kementerian dan agensi kerajaan dengan menetapkan pelaksanaan program-program yang spesifik dan konkrit untuk perpaduan, kesepaduan dan penyatupaduan rakyat Malaysia.
- b) Mengadakan program dan aktiviti mempromosikan persefahaman dan keharmonian serta toleransi di kalangan penganut-penganut agama melalui **Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman Dan Keharmonian Di Antara Penganut Agama (JKMPKA)**.
- c) Menggalakkan penyertaan belia pelbagai kaum dan agama dalam siri **wacana, perbincangan meja bulat, seminar dan forum** bagi percambahan dan perkongsian idea untuk meningkatkan kefahaman pembinaan bangsa (*nation building*).
- d) Penerapan kemahiran mediasi kepada pemimpin masyarakat untuk bertindak sebagai **Mediator Komuniti** mendamaikan pertikaian dan konflik antara pihak-pihak yang bertelagah di peringkat komuniti agar masalah dapat diselesaikan di peringkat akar umbi lagi.

- e) Meningkatkan **penghayatan kepada prinsip-prinsip Rukun Negara** kepada pelajar-pelajar di sekolah rendah, menengah dan di peringkat institusi pengajian tinggi melalui penubuhan Kelab Rukun Negara (KRN) dan Sekretariat Rukun Negara (SRN).
- f) Mempergiatkan **program latihan industri perpaduan (PLIP)** untuk menggalakkan silang kerjaya dan silang budaya untuk pengukuhan perpaduan di kalangan pelajar bumiputera di syarikat-syarikat bukan bumiputera. Manakala satu usaha telah dirangka untuk melibatkan pelajar-pelajar bukan bumiputera pula untuk ditempatkan di syarikat-syarikat milik bumiputera dan *Government Linked Companies (GLC)*.
- g) Penyebaran luas mesej perpaduan **“Membudayakan Perpaduan, Meraikan Kepelbagaian”** dengan penglibatan syarikat-syarikat swasta, GLC dan NGO sebagai Rakan Perpaduan (*partners in unity*) untuk mempromosikan mesej perpaduan melalui produk dan perkhidmatan kepada masyarakat.

Kerajaan turut memberi perhatian serius untuk meningkatkan tahap patriotisme di kalangan rakyat terutama dalam kalangan generasi muda. Penemuan-penemuan kajian amat penting sebagai panduan dan landasan untuk merancang program yang berstruktur dan terancang.

Dua kajian telah dijalankan oleh penyelidik sains sosial untuk mengenalpasti tahap patriotisme dan cabaran yang dihadapi dalam usaha memupuk semangat patriotisme di kalangan generasi muda.

- a) **Kajian Pemahaman, Kesedaran Patriotisme dan Cabarannya Dalam Kalangan Belia Bandar** di Semenanjung Malaysia oleh Universiti Putra Malaysia tahun 2014 mendapati tahap pemahaman dan kesedaran belia di Semenanjung terhadap patriotisme adalah tinggi.

- b) **Kajian Pemahaman, Kesedaran dan Pengamalan Nilai Patriotisme dalam Kalangan Masyarakat Sabah** oleh Universiti Putra Malaysia tahun 2016 turut mendapati tahap pemahaman dan kesedaran belia Sabah terhadap nilai-nilai patriotisme adalah tinggi.

Dari penemuan positif kedua-dua kajian tersebut, Kerajaan akan terus memperbanyakkan usaha menyemai perasaan cinta warga Malaysia khususnya di kalangan golongan muda terhadap tanah air tercinta dan menjadi model bangsa Malaysia melalui perancangan dan strategi berikut:

- i) Mempertingkatkan lagi gerakan penbuhan KRN dan SRN di sekolah rendah, menengah dan institusi pengajian tinggi dalam usaha melahirkan generasi muda yang berfikiran sederhana, rasional dalam mengambil tindakan dan berjiwa perpaduan.

- ii) Mengadakan jaringan bersama media bagi meningkatkan peranan media dalam membentuk nilai patriotisme dari aspek penyebaran maklumat yang mendokong aspirasi negara dalam pemupukan semangat patriotisme dalam masyarakat.

- iii) Merangka program yang menepati kehendak golongan belia dengan kerjasama pakar-pakar yang dapat menjana idea-idea bernas untuk menyemarak semangat patriotisme dan perpaduan.
- iv) Memperbanyakkan penerangan yang berterusan kepada golongan belia mengenai tanggungjawab sebagai warganegara serta penerapan nilai patriotisme dalam pendidikan dan aktiviti kelab-kelab ko-kurikulum di sekolah dan institusi pengajian tinggi.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DR.MANSOR BIN ABD RAHMAN (SIK)

NO. SOALAN : 32

YB DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN (SIK) minta **Perdana Menteri** menyatakan cadangan pihak Kementerian dan Jabatan untuk mempromosikan nilai-nilai perpaduan seperti tanggungjawab pada Negara, menghormati antara satu sama lain sama ada kaum atau agama di Negara ini dan semangat cintakan Negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) selaku agensi yang bertanggungjawab meningkat, memelihara dan mengukuhkan perpaduan rakyat pelbagai kaum di negara ini menggunakan pendekatan mendampingi dan mendidik (***engage and educate***) bagi mencapai matlamat ini. Program/aktiviti JPNIN bertujuan mempromosikan nilai-nilai perpaduan di kalangan masyarakat didasarkan kepada dua elemen utama iaitu meningkatkan hubungan persaudaraan di peringkat komuniti dan menyemai ciri-ciri kenegaraan di kalangan rakyat Malaysia.

A) Hubungan Persaudaraan

i) Aktiviti Penggalakan Perpaduan

Melalui 7,599 Kawasan Rukun Tetangga (KRT) di seluruh negara pelbagai aktiviti penggalakan perpaduan berbentuk promosi perpaduan dan hubungan kejiwaan dilaksanakan bagi meningkatkan hubungan silaturahim di antara masyarakat setempat melalui pemupukan nilai-nilai saling hormat menghormati dan bantu membantu antara satu sama lain.

ii) Menggalakkan Amalan Membudayakan Perpaduan dan Meraikan Kepelbagaian

Nilai-nilai perpaduan juga dipromosikan melalui amalan membudayakan perpaduan dan meraikan kepelbagaian dengan mengadakan sambutan hari perayaan dan keagamaan secara bersama bagi memupuk semangat kekitaan dan hubungan baik di kalangan masyarakat.

iii) Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian di Antara Penganut Agama (JKMPKA)

Jawatankuasa ini berfungsi sebagai satu mekanisme untuk berdialog, berunding dan menyelesaikan isu-isu antara penganut agama yang menekankan nilai kebersamaan (*common values*).

iv) Penyelesaian Konflik di peringkat Komuniti

Mediator Komuniti yang terdiri daripada pihak berkecuali memainkan peranan untuk memelihara keharmonian melalui

proses pengantaraan secara *win-win situation* bagi membantu menyelesaikan konflik di kalangan masyarakat setempat.

B) Kenegaraan

i) Pengajaran Nilai-nilai Kerbersamaan di Tabika Perpaduan

Kanak-kanak di Tabika Perpaduan sejak dari kecil diajar untuk **menyanyi Lagu Negaraku dan membaca ikrar Rukun Negara** pada setiap pagi bagi memupuk perasaan saling menghormati dan tidak membezakan antara satu sama lain atas dasar kaum ataupun agama.

ii) Pelaksanaan Program MyRukun Negara melalui Kelab Rukun Negara (KRN) dan Sekretariat Rukun Negara (SRN)

Penubuhan KRN di sekolah rendah dan menengah telah diperluaskan ke institusi pengajian tinggi awam dan swasta melalui penubuhan SRN bagi mempromosikan **Program My Rukun Negara** di mana sebanyak **6,218 buah KRN** telah ditubuhkan di peringkat sekolah manakala **150 buah SRN** di peringkat IPT yang merangkumi kem kepimpinan, program silang budaya, aktiviti sukarelawan, forum kenegaraan, khidmat komuniti, jejak harmoni ke rumah-rumah ibadat yang menerapkan nilai-nilai menghormati agama, kepercayaan dan adat resam serta kebudayaan rakan kaum lain.

iii) Program Membudayakan Perpaduan, Meraikan Kepelbagaian (MPMK)

Program ini dilaksanakan dengan penglibatan syarikat swasta, GLC dan NGO yang komited dalam mempromosi slogan berunsur perpaduan. Sehingga kini sebanyak **27 kementerian & agensi Kerajaan dan 23 buah syarikat swasta** telah dianugerahkan pentauliah sebagai “Rakan Perpaduan”.

iv) Melaksanakan dan Menyelaras bersama Media

Mengadakan jaringan kerjasama bersama media melalui sesi temuramah, wawancara dan forum yang membincangkan mengenai topik-topik perpaduan bagi menyebarkan mesej-mesej perpaduan untuk membentuk nilai-nilai kenegaraan bagi dan memupuk semangat patriotisme dan cintakan tanah air.

Kerajaan melalui jentera-jenteranya sentiasa berusaha untuk mempromosikan nilai-nilai perpaduan seperti tanggungjawab kepada negara, saling menghormati antara satu sama lain tanpa mengira perbezaan kaum atau agama di negara ini dan semangat cintakan negara supaya mencapai kesejahteraan dan keharmonian di kalangan masyarakat.

Sekian terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN (SIK)

NO. SOALAN : 35

SOALAN : Minta **Perdana Menteri** menyatakan apakah terdapat langkah-langkah tambahan bagi menangani isu sensitiviti kaum dan agama di dalam Negara ini **selain** daripada penguatkuasaan undang-undang yang telah sedia ada.

JAWAPAN :

Yang Di Pertua,

Walaupun negara kita adalah lebih aman dan damai berbanding dengan kebanyakan negara majmuk yang lain, tetapi perbezaan dari segi kepelbagaian etnik, agama, budaya dan bahasa masih menyebabkan rakyat kita cenderung bergaul dalam kelompok kaum sendiri, kurang atau jarang bergaul dengan kelompok-kelompok kaum lain secara rapat. Ini menjadi punca polarisasi sosial antara kaum atau penganut agama yang kadang-kala mencetuskan perselisihan pandangan dan sentimen perkauman atau keagamaan yang mungkin menggugat ketenteraman dan kestabilan masyarakat, sekiranya tidak diuruskan dan ditangani dengan cepat dan berkesan.

Oleh itu, sejak kemerdekaan dan sepanjang proses pembinaan negara selama lebih daripada 59 tahun, pucuk pimpinan negara pada amnya memang sangat sedar dan peka akan cabaran-cabaran untuk terus memupuk persefahaman, mengekalkan keharmonian, menguruskan pelbagai jurang antara kaum serta meredakan sebarang sengketa yang timbul.

Antara langkah tambahan diambil Kerajaan bagi menangani isu sensitif kaum dan agama adalah seperti berikut:

- a) Wujudkan kefahaman mendalam terhadap perkara-perkara asas dalam perlembagaan agar dapat membentuk rakyat Malaysia menjadi warganegara yang bertanggungjawab terhadap negara dan masyarakat sekelilingnya. Sekiranya setiap rakyat memahami dan menghayati beberapa peruntukan utama yang terkandung dalam perlembagaan maka kita yakin tidak akan berbangkit isu-isu sensitif seperti isu perkauman, keagamaan dan soal-soal mengenai kebebasan. Setiap rakyat mesti tahu menjaga batasan-batas yang ditetapkan oleh perlembagaan bagi menjaga keharmonian dan perpaduan dalam kalangan masyarakat.

- b) Penghayatan kepada lima cita-cita dan lima prinsip Rukun Negara yang berdasarkan agama-agama utama dan asas Perlembagaan Persekutuan. Jika nilai-nilai ini dihayati dan diamalkan sepenuhnya dalam kehidupan seharian masyarakat di negara ini, maka akan menjamin masyarakat hidup bersama dalam suasana harmoni, selamat dan selesa.

- c) Memacu pelaksanaan Gagasan 1Malaysia yang diilhamkan oleh YAB Perdana Menteri adalah bertujuan untuk terus memupuk dan mempertingkatkan lagi muhibah dan perpaduan masyarakat Malaysia yang majmuk ini, dengan menekankan perpaduan dalam kepelbagaian (*unity in diversity*). Semua rakyat perlu menerima dan menghormati kepelbagaian agama dan budaya serta keunikan kaum-kaum yang sedia ada, serta menegakkan keadilan sosial di mana semua rakyat Malaysia akan terbela khasnya golongan-golongan yang memerlukan bantuan.
- d) Mewujudkan persefahaman dan keharmonian di kalangan penganut-penganut agama melalui Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Di Antara Penganut Agama (JKMPKA).
- e) Mengambil berat terhadap isu-isu percanggahan di antara puak-puak pelampau agama dan kaum di peringkat antarabangsa yang kadang-kala juga mempengaruhi arus fikiran dan tingkah-laku kelompok-kelompok tertentu dalam negara ini, maka, di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN) pada bulan September 2010, YAB Perdana Menteri kita telah mengemukakan cadangan untuk mewujudkan Gerakan Kesederhanaan Sedunia (*Global Movement of the Moderates*) supaya memupuk persefahaman dan keharmonian di samping menolak dan mengenenpikan fahaman pelampau. Cadangan ini telah menerima sambutan yang baik dari ramai pemimpin negara-negara lain.

Adalah jelas bahawa memupuk hubungan baik dan keharmonian di antara kaum dan agama untuk tujuan mengekal dan mengukuhkan kedamaian di antara agama di Malaysia adalah melalui proses pergaulan, perbincangan dan penyertaan dalam aktiviti bersama yang bermakna. Ianya memerlukan semangat keterangkuman (*inclusiveness*), sikap positif dan terbuka, serta kesabaran dan pendekatan membina (*constructive approach*) dari semua pihak, mengikut semangat Gagasan 1Malaysia.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHANDRA MOHAN A/L S.
THAMBIRAJAH**

TARIKH : 5 DISEMBER 2016 (ISNIN)

NO. SOALAN : 17

SOALAN : Minta **Perdana Menteri** menyatakan pendirian Kerajaan mengenai cadangan menubuhkan Majlis Perundingan Negara (NCC2) sebagai satu langkah positif untuk memastikan perpaduan negara berdasarkan nilai-nilai bersama dan juga menyatakan sebab kegagalan Kerajaan untuk melaksanakan pengesyoran-pengesyoran Laporan Pelan Tindakan Perpaduan Negara dan Intergrasi Nasional (*National Unity Blueprint*).

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan sememangnya mengalu-alukan cadangan serta menyokong sebarang usaha untuk mencari perdamaian kebangsaan, kesederhanaan, keharmonian dan perpaduan dalam kepelbagaian dalam kalangan semua rakyat Malaysia melalui perbincangan secara

rasional dan bersederhana bagi membolehkan rakyat untuk menyuarakan pelbagai isu yang membelenggu negara ini.

Majlis Perundingan Negara (NCC) pertama telah ditubuhkan pada tahun 1970 selepas rusuhan kaum pada 1969 sebagai platform untuk mengadakan dialog di antara semua wakil golongan masyarakat bagi mencari jalan menguatkan tahap perpaduan negara ketika itu sehingga terhasilnya ideologi Rukun Negara.

Mengambil kira perubahan yang berlaku di dalam negara dan memenuhi keperluan dan kehendak rakyat, maka, pada 11 September 2013, Kerajaan telah menubuhkan **Majlis Konsultatif Perpaduan Negara** ataupun **NUCC** yang telah diberi mandat untuk membincangkan secara sederhana dan tertutup, pelbagai isu sensitif bermula dari sistem pendidikan, ekonomi, tindakan afirmatif, peranan agama dalam kehidupan nasional, integriti persekutuan, isu-isu rasuah dan persaingan politik, serta membina semula kepercayaan terhadap institusi negara sebagai suatu usaha komprehensif mewujudkan penyatuan nasional demi membina bangsa Malaysia yang bersatupadu.

Semua pengesyoran yang dikemukakan oleh NUCC sedang diperhalusi dan diteliti bersama Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dan Institut Kajian Etnik (KITA), UKM dengan kerjasama semua Kementerian dan Agensi yang terlibat. Suatu **Pelan Tindakan** sedang disediakan merentasi semua Kementerian dan Agensi dengan mengambilkira syor-syor yang dikenalpasti dari Pelan Perpaduan, Kesepaduan dan Penyatupaduan Malaysia (*National Unity Blueprint*) yang telah dihasilkan sebelum ini.

Soal kegagalan tidak timbul sama sekali memandangkan Kerajaan berpandangan Pelan Tindakan yang akan dimuktamadkan kelak adalah bersifat lebih menyeluruh dan diharapkan pelaksanaan semua syor-syor tersebut akan meningkatkan impak perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia. Pelaksanaan Pelan Tindakan tersebut akan dipantau oleh suatu Majlis yang sedang dikaji penubuhannya oleh pihak Kerajaan dan akan dikemukakan kepada Mesyuarat Jemaah Menteri dalam tempoh terdekat untuk kelulusan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. ARIFFIN BIN S.M. OMAR

TARIKH : 20 DISEMBER 2016 (SELASA)

NO. SOALAN : 7

SOALAN : Minta **Perdana Menteri** menyatakan apakah status perpaduan di kalangan pelbagai kaum di negara ini memandangkan terdapat ketegangan antara kaum dan adakah Kerajaan akan kaji untuk menubuhkan semula Kementerian Perpaduan Negara untuk mengatasi masalah perkauman di Malaysia.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Masyarakat berbilang kaum, agama, budaya dan bahasa di negara ini sememangnya mempunyai daya toleransi yang tinggi, namun kadangkala timbulnya juga perbalahan dan pertelingkahan dalam masyarakat.

Menurut Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin, Pengarah Institut Kajian Etnik (KITA),UKM yang memperkenalkan konsep kesepaduan sosial di Malaysia, menjelaskan bahawa tahap hubungan

kaum di Malaysia berada pada **tahap ketegangan yang stabil (*stable tension*)**. Apa yang dimaksudkan sebagai **ketegangan yang stabil** adalah, apabila kita dapat melihat secara keseluruhannya rakyat boleh terus hidup secara aman dan harmoni, walaupun kadang-kala terdapat pertelingkahan yang kecil melibatkan kumpulan tertentu. Walaupun wujud pertengkaran kecil, namun ianya berjaya diselesaikan dengan segera melalui proses perundingan dengan izin, "*we talk conflict, but we walk cohesion*".

Malah, negara Malaysia juga adalah antara sebuah negara yang paling aman jika dibandingkan dengan negara-negara lain di dunia. Menurut Laporan Indeks Keamanan Sedunia (*Global Peace Index*) pada tahun 2016, Malaysia berada pada kedudukan ke-2 sebagai sebuah negara paling aman di rantau ASEAN.

Pemantauan dilakukan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional melalui instrumen Indeks Ketegangan Masyarakat (IKM) pula mendapati bahawa fenomena ketegangan di kalangan kelompok masyarakat masih berada di **tahap stabil dan terkawal**. Nilai IKM telah menurun kepada 9.6 kes per sejuta penduduk pada tahun 2015 berbanding dengan 14.1 kes per sejuta penduduk pada tahun 2014.

Melalui kajian 2015 Indeks Patriotisme Negara, Biro Tatanegara (BTN) melaporkan bahawa tahap patriotisme rakyat Malaysia menghampiri tahap yang sangat baik dan tinggi iaitu 4.19 dari skala 5.0.

Kesemua petunjuk dan kajian di atas jelas menunjukkan bahawa secara keseluruhannya **rakyat Malaysia pelbagai kaum dapat hidup bersatu padu dan sekaligus berjaya meningkatkan tahap patriotisme**.

Saya menyambut baik cadangan Ahli Yang Berhormat Senator untuk menubuhkan semula Kementerian Perpaduan Negara bagi mengatasi masalah perkauman di Malaysia. Saya berkeyakinan bahawa cadangan ini diambil perhatian oleh Kerajaan untuk pertimbangan.

Memetik kata-kata YABhg Tun Abdullah Hj. Ahmad Badawi, Mantan Perdana Menteri ke-5, “ **Sesungguhnya, segala kejayaan yang dicapai hari ini ditunjangi oleh usaha dan pengorbanan pejuang-pejuang kita yang terdahulu. Tunku Abdul Rahman telah berjuang bagi mencapai kemerdekaan, Tun Abdul Razak berusaha gigih bagi membawa pembangunan, Tun Hussein Onn memerah keringat bagi memupuk perpaduan rakyat dan Tun Dr. Mahathir Mohamad telah menentang arus bagi mencipta pemodenan. Mereka, sebagai pemimpin kita bersama rakyat sekalian, telah membawa Malaysia ke tahap ia berada hari ini...**”

Perdana Menteri YAB Datuk Seri Mohd. Najib Tun Abdul Razak pula berkata bahawa “**perpaduan nasional di negara ini hanya akan benar-benar bermakna jika tiada rakyat yang terpinggir.**” Pembinaan negara bangsa bukanlah suatu proses yang mudah. Ia memerlukan persefahaman, tolak ansur dan yang paling utama, komitmen serta pengorbanan yang tinggi.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. ARIFFIN BIN S.M. OMAR

TARIKH : 21 DISEMBER 2016 (RABU)

NO. SOALAN : 62

SOALAN : Minta **Perdana Menteri** menyatakan apa sebabnya Malaysia enggan meratifikasi ICERD (*International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination*) walaupun majoriti ahli-ahli PBB telah menerima ICERD.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination (ICERD) merupakan instrumen yang dirangka mengenai penghapusan diskriminasi kaum.

Dakwaan bahawa Kerajaan enggan menandatangani ICERD adalah tidak benar sama sekali. Kerajaan harus berwaspada dan meneliti sebarang perjanjian mengenai Hak Asasi Manusia di arena antarabangsa sebelum menandatangani. Ini adalah kerana, apabila Kerajaan sudah menandatangani sesuatu protokol atau konvensyen

sedemikian, ia bermakna Kerajaan mesti akur kepadanya dan mematuhi segala peraturan yang ditetapkan.

Kita sama sekali tidak menafikan hak asasi manusia sebagaimana yang telah ditunjukkan melalui usaha-usaha progresif Malaysia dalam mewujudkan pelbagai platform. Namun, dalam masa yang sama juga kita harus meneruskan usaha untuk mempertahankan dan mengekalkan kedaulatan negara.

Demi menjaga kerukunan negara, setiap perjanjian antarabangsa yang dipertimbangkan untuk ditandatangani hendaklah melalui proses konsultatif dengan pihak-pihak kepentingan supaya akhirnya apabila Malaysia menyertai ICERD, komitmen Malaysia adalah bersifat **realistik, praktikal dan boleh dipatuhi.**

Antara pendirian Kerajaan sebelum menyertai ICERD adalah:

- a) Mengkaji kesediaan Kerajaan untuk meminda undang-undang domestik agar konsisten dengan aspirasi di bawah Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu dan instrumen ICERD untuk melaksanakan tanggungjawab berkenaan hak dan kebebasan asasi manusia;
- b) Meneliti samada terdapat fasal dan syarat dalam instrumen ICERD atau mana-mana perjanjian antarabangsa yang mungkin bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan atau nilai-nilai murni yang dipegang masyarakat pelbagai kaum;

- c) Memberi penjelasan kepada rakyat bahawa Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan tidak boleh dianggap sebagai diskriminasi kaum kerana apa-apa langkah khas diambil kerajaan ke atas sesuatu kaum adalah bertujuan untuk meningkat dan memajukan status sosio-ekonomi kaum tersebut dari segi perniagaan, pendidikan, pekerjaan dalam sektor awam dan pemilikan harta dan lain-lain agar seimbang dengan apa yang dinikmati oleh kaum-kaum lain;
- d) Memastikan Perlembagaan Persekutuan dijadikan kerangka kedaulatan negara dan panduan untuk menzahirkan pendirian kerajaan terhadap sebarang perjanjian antarabangsa agar tidak bertentangan dengan nilai-nilai yang telah diamalkan di Malaysia hasil daripada sejarah dan kebudayaan tempatan.

Sehubungan dengan itu, satu Jawatankuasa Teknikal ICERD telah dibentuk bagi mengemukakan suatu laporan kepada Kerajaan untuk pertimbangan samada Kerajaan bersedia menandatangani instrumen ICERD atau sebaliknya.

Sekian, terima kasih.